

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

FAKTA UTAMA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

KEDUDUKAN KEWANGAN	PRESTASI KEWANGAN	AKAUN MEMORANDUM
<p>↑ WANG TUNAI</p> <p>2022 – RM48.503 bilion</p> <p>2021 – RM34.552 bilion</p>	<p>↑ HASIL</p> <p>2022 – RM294.357 bilion</p> <p>2021 – RM233.752 bilion</p>	<p>↓ AKAUN BELUM TERIMA</p> <p>2022 – RM105.524 bilion</p> <p>2021 – RM113.045 bilion</p>
<p>↓ PELABURAN</p> <p>2022 – RM35.153 bilion</p> <p>2021 – RM43.391 bilion</p>	<p>↑ BELANJA MENGURUS</p> <p>2022 – RM292.693 bilion</p> <p>2021 – RM231.516 bilion</p>	<p>↑ PELABURAN</p> <p>2022 – RM34.030 bilion</p> <p>2021 – RM33.862 bilion</p>
<p>↔ HASIL DISATUKAN</p> <p>2022 – RM11.863 bilion</p> <p>2021 – RM11.863 bilion</p>	<p>↑ BELANJA PEMBANGUNAN</p> <p>2022 – RM71.574 bilion</p> <p>2021 – RM64.257 bilion</p>	<p>↑ HUTANG PERSEKUTUAN</p> <p>2022 – RM1,079.591 bilion</p> <p>2021 – RM979.814 bilion</p>
<p>↔ PINJAMAN DISATUKAN</p> <p>2022 – RM0.00</p> <p>2021 – RM0.00</p>	<p>↓ BELANJA COVID-19</p> <p>2022 – RM30.979 bilion</p> <p>2021 – RM37.711 bilion</p>	<p>↓ LIABILITI KEWANGAN</p> <p>2022 – RM319.571 bilion</p> <p>2021 – RM325.232 bilion</p>
<p>↑ AMANAH DISATUKAN</p> <p>2022 – RM71.793 bilion</p> <p>2021 – RM66.080 bilion</p>	<p>↑ DEFISIT</p> <p>2022 – RM99.482 bilion</p> <p>2021 – RM98.740 bilion</p>	<p>↑ LIABILITI PERSEKUTUAN</p> <p>2022 – RM1,399.162 bilion</p> <p>2021 – RM1,305.046 bilion</p>

1. LATAR BELAKANG

Tanggungjawab Ketua Audit Negara adalah untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022 memberikan gambaran yang benar dan saksama. Di samping itu, Jabatan Audit Negara juga membuat analisis terhadap maklumat data kewangan tahun 2022 dan tahun sebelumnya bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan secara menyeluruh. Analisis yang dijalankan adalah berdasarkan maklumat dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

2.1. Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah merujuk kepada pegangan Wang Awam dalam Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang oleh Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

2.2. Pada akhir tahun 2022, kedudukan Wang Awam adalah berjumlah RM83.656 bilion. Wang Awam terdiri daripada wang tunai berjumlah RM48.503 bilion dan pelaburan berjumlah RM35.153 bilion.

2.3. Wang Awam dipegang oleh Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM11.863 bilion atau 14.2% dan Akaun Amanah Disatukan sebanyak RM71.793 bilion atau 85.8%, manakala Akaun Pinjaman Disatukan kekal berbaki sifar.

3. PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

3.1. Jumlah terimaan Kerajaan Persekutuan terdiri daripada hasil, pinjaman dalam dan luar negeri, bantuan luar negeri serta terimaan lain. Terimaan ini digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus, perbelanjaan pembangunan, perbelanjaan Covid-19, bayaran balik pinjaman dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

3.2. Prestasi Kewangan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.1**.

JADUAL 2.1
PRESTASI KEWANGAN PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2022 (RM Bilion)	2021 (RM Bilion)	RM BILION	%
Hasil	294.357	233.752	60.605	25.9
Pelbagai Terimaan	1.407	0.992	0.415	41.8
Jumlah Terimaan	295.764	234.744	61.020	26.0
Perbelanjaan:				
Perbelanjaan Mengurus (Sebelum Pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan)	292.693	231.516	61.177	26.4
Perbelanjaan Pembangunan	71.574	64.257	7.317	11.4
Perbelanjaan Kumpulan Wang Covid-19	30.979	37.711	(6.732)	(17.9)
Jumlah Perbelanjaan	395.246	333.484	61.762	18.5
Defisit	(99.482)	(98.740)	0.742	0.8
Nisbah Defisit kepada KDNK	5.6%	6.4%		

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2022 (RM Bilion)	2021 (RM Bilion)	RM BILION	%
Hutang Persekutuan	1,079.591	979.814	99.777	10.2
Nisbah Hutang Persekutuan kepada KDNK	60.3%	63.3%		
Liabiliti Kewangan	319.571	325.232	(5.661)	(1.7)
Jumlah Liabiliti Persekutuan	1,399.162	1,305.046	94.116	7.2
Nisbah Liabiliti Persekutuan kepada KDNK	78.1%	84.3%		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

Nota: KDNK 2022: RM1,791.358 bilion, KDNK 2021: RM1,548.898 bilion (Berdasarkan Statistik Akaun Negara terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia yang dikeluarkan pada 12 Mei 2023)

3.3. Pada tahun 2022, terimaan Kerajaan Persekutuan daripada sumber hasil dan pelbagai terimaan adalah berjumlah RM295.764 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM61.020 bilion atau 26% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM234.744 bilion. Hasil Persekutuan adalah berjumlah RM294.357 bilion dan pelbagai terimaan adalah berjumlah RM1.407 bilion.

3.4. Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM395.246 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM61.762 bilion atau 18.5% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM333.484 bilion. Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan terdiri daripada perbelanjaan mengurus berjumlah RM292.693 bilion, perbelanjaan pembangunan berjumlah RM71.574 bilion dan perbelanjaan Covid-19 berjumlah RM30.979 bilion.

3.5. **Kerajaan Persekutuan terus berada dalam kedudukan defisit iaitu perbelanjaan melebihi terimaan sebanyak RM99.482 bilion atau 5.6% berbanding Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).** Defisit tersebut ditampung dengan pinjaman bersih daripada sumber dalam negeri sebanyak RM99.837 bilion.

3.6. Kedudukan defisit Kerajaan Persekutuan mengakibatkan **peningkatan Hutang Persekutuan sebanyak RM99.777 bilion atau 10.2% kepada RM1.080 trilion.** Disebabkan oleh prestasi pertumbuhan KDNK yang lebih baik berbanding tahun 2021, kedudukan nisbah Hutang Persekutuan berbanding KDNK adalah sebanyak 60.3%, iaitu menurun berbanding 63.3% pada tahun 2021.

3.7. **Nisbah Statutori Hutang Persekutuan berbanding KDNK adalah sebanyak 57.6%.** Had Statutori Hutang Persekutuan melibatkan Bil Perbendaharaan Islamik, Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Sekuriti Kerajaan Malaysia yang berjumlah

RM1.032 trilion. Nisbah ini tidak melebihi nisbah had statutori hutang yang dibenarkan, iaitu 65% kepada KDNK.

3.8. Selain Hutang Persekutuan, Kerajaan Persekutuan mempunyai Liabiliti Kewangan yang berjumlah RM319.571 bilion. Liabiliti Kewangan terdiri daripada Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta sebanyak RM34.492 bilion, Komitmen Kewangan sebanyak RM284.924 bilion dan Pelbagai Liabiliti sebanyak RM0.155 bilion.

3.9. Kedudukan Liabiliti Persekutuan yang terdiri daripada Hutang Persekutuan dan Liabiliti Kewangan pada akhir tahun 2022 adalah berjumlah RM1.399 trilion, iaitu meningkat sebanyak RM94.116 bilion atau 7.2% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM1.305 trilion. **Kedudukan Liabiliti Persekutuan berbanding KDNK adalah sebanyak 78.1%.**

4. WANG AWAM

Pada akhir tahun 2022, Wang Awam yang terdiri daripada wang tunai dan pelaburan adalah berjumlah RM83.656 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM5.713 bilion atau 7.3% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM77.943 bilion. Kedudukan Wang Awam pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.2**.

JADUAL 2.2
KEDUDUKAN WANG AWAM PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Wang Tunai	48,502.90	34,551.54	13,951.36	40.4
2.	Pelaburan	35,153.01	43,391.12	(8,238.11)	(19.0)
JUMLAH		83,655.91	77,942.66	5,713.25	7.3

Sumber: Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

4.1. Wang Tunai

4.1.1. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Pada akhir tahun 2022, kedudukan Wang Tunai adalah berjumlah RM48.503 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM13.951 bilion atau 40.4% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM34.552 bilion. Kedudukan Wang Tunai pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.3**.

JADUAL 2.3
KEDUDUKAN WANG TUNAI PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Wang Tunai Dalam Bank	46,815.35	33,594.30	13,221.05	39.4
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	1,684.93	954.47	730.46	76.5
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	2.62	2.77	(0.15)	(5.4)
JUMLAH		48,502.90	34,551.54	13,951.36	40.4

Sumber: Nota 3, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

4.1.2. Termasuk dalam pegangan Wang Tunai Dalam Bank yang berjumlah RM46.815 bilion adalah pelaburan simpanan tetap bagi tempoh tidak melebihi tiga bulan berjumlah RM29.663 bilion. Sejumlah RM22.899 bilion atau 77.2% pelaburan simpanan tetap adalah daripada dana Operasi Pasaran Wang, manakala sejumlah RM6.764 bilion atau 22.8% adalah daripada dana Akaun Amanah Disatukan. Kumpulan Wang Amanah dengan amaun pelaburan simpanan tetap tertinggi adalah Deposit Wang Tak Dituntut sejumlah RM3.091 bilion, Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset sejumlah RM1.789 bilion, Akaun Amanah Pelaksanaan Projek/Program/Aktiviti Menerusi Inisiatif Pembiayaan Swasta sejumlah RM0.380 bilion serta Akaun Amanah Sumber Khas sejumlah RM0.205 bilion.

4.2. Pelaburan

4.2.1. Pelaburan Kerajaan Persekutuan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah menggunakan dana Kumpulan Wang Amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 dan 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*]. Pelaburan ini termasuk Kumpulan Wang Amanah Negara yang ditadbir urus mengikut Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988 [*Akta 339*]. Pelaburan Am pula ialah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

4.2.2. Pada akhir tahun 2022, kedudukan pelaburan Kerajaan adalah berjumlah RM35.153 bilion, iaitu berkurangan sebanyak RM8.238 bilion atau 19% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM43.391 bilion. Sebanyak 68.7% daripada pelaburan Kerajaan adalah dana Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) dan Kumpulan Wang Amanah Lain dengan jumlah keseluruhan RM24.149 bilion. Sejumlah RM11.004 bilion atau 31.3% pula merupakan pelaburan daripada lebihan Akaun Hasil Disatukan. Kedudukan pelaburan Kerajaan berdasarkan sumber dana pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.4**, manakala kedudukan pelaburan Kerajaan berdasarkan instrumen pelaburan adalah seperti dalam **Jadual 2.5**.

JADUAL 2.4
KEDUDUKAN PELABURAN BERDASARKAN
SUMBER DANA PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	SUMBER DANA	TAHUN				PERUBAHAN	
		2022		2021		RM JUTA	%
		RM JUTA	%	RM JUTA	%		
1.	Kumpulan Wang Amanah Negara	14,473.86	41.2	13,891.42	32.0	582.44	4.2
2.	Kumpulan Wang Amanah Lain	9,675.15	27.5	22,475.37	51.8	(12,800.22)	(57.0)
3.	Lebihan Kumpulan Wang Disatukan	11,004.00	31.3	7,024.33	16.2	3,979.67	56.7
JUMLAH		35,153.01	100.0	43,391.12	100.0	(8,238.11)	(19.0)

Sumber: Nota 4, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

JADUAL 2.5
KEDUDUKAN PELABURAN BERDASARKAN
INSTRUMEN PELABURAN PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	INSTRUMEN PELABURAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Sekuriti Hutang Kerajaan Luar Negeri	3,668.46	3,482.01	186.45	5.4
2.	Sekuriti Hutang Kerajaan Malaysia	1,334.75	1,383.04	(48.29)	(3.5)
3.	Sekuriti Hutang Swasta Luar Negeri	2,095.58	1,974.24	121.34	6.1
4.	Sekuriti Hutang Swasta Dalam Negeri	4,396.16	4,455.24	(59.08)	(1.3)
5.	Sekuriti Tersiar Harga Luar Negeri	371.73	-	371.73	100.0
6.	Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri	2,167.82	2,157.53	10.29	0.5
7.	Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	7,157.88	7,157.91	(0.03)	-
8.	Deposit Jangka Pendek Luar Negeri Melebihi 3 hingga 12 Bulan	5.29	5.63	(0.34)	(6.0)
9.	Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Bagi Tempoh Melebihi 3 hingga 12 Bulan	13,818.40	11,106.08	2,712.32	24.4
10.	Deposit Jangka Panjang Dalam Negeri Bagi Tempoh Melebihi 12 Bulan	136.00	11,668.50	(11,532.50)	(98.8)
11.	Pelbagai	0.94	0.94	-	-
JUMLAH		35,153.01	43,391.12	(8,238.11)	(19.0)

Sumber: Nota 4, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

4.2.3. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah Negara

- a. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) terdiri daripada instrumen Sekuriti Hutang Kerajaan Luar Negeri, Sekuriti Hutang Kerajaan Malaysia, Sekuriti Hutang Swasta Luar Negeri, Sekuriti Hutang Swasta Dalam Negeri, Sekuriti Tersiar Harga Luar Negeri, Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri dan Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri.
- b. Pada akhir tahun 2022, kedudukan pelaburan KWAN adalah berjumlah RM14.474 bilion, iaitu 41.2% daripada keseluruhan pelaburan Kerajaan yang berjumlah RM35.153 bilion. Pelaburan KWAN merekodkan peningkatan sejumlah

RM0.583 bilion atau 4.2% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM13.891 bilion. Peningkatan baki pelaburan antaranya disebabkan oleh terimaan dana daripada syarikat Petroliam Nasional Berhad berjumlah RM500 juta serta terimaan faedah dan dividen yang dilaburkan semula. Kedudukan pelaburan KWAN pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.6**.

JADUAL 2.6
KEDUDUKAN PELABURAN KWAN PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	INSTRUMEN PELABURAN	NILAI BUKU		PERUBAHAN	
		TAHUN 2022 (RM Juta)	TAHUN 2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Sekuriti Hutang Kerajaan Luar Negeri	3,668.46	3,482.01	186.45	5.4
2.	Sekuriti Hutang Kerajaan Malaysia	1,334.75	1,383.04	(48.29)	(3.5)
3.	Sekuriti Hutang Swasta Luar Negeri	2,095.58	1,974.24	121.34	6.1
4.	Sekuriti Hutang Swasta Dalam Negeri	4,396.16	4,455.24	(59.08)	(1.3)
5.	Sekuriti Tersiar Harga Luar Negeri	371.73	-	371.73	100.0
6.	Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri	2,167.18	2,156.89	10.29	0.5
7.	Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	440.00	440.00	-	-
JUMLAH		14,473.86	13,891.42	582.44	4.2

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

- c. Berdasarkan Penyata Kewangan KWAN bagi tahun berakhir 31 Disember 2022, amaun faedah pelaburan dan dividen tunai yang diterima adalah berjumlah RM626.11 juta.

4.2.4. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah Lain

- a. Pada akhir tahun 2022, kedudukan pelaburan Kumpulan Wang Amanah Lain adalah berjumlah RM9.675 bilion, iaitu 27.5% daripada keseluruhan pelaburan Kerajaan. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah Lain berkurangan sebanyak RM12.800 bilion atau 57% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM22.475 bilion. Sebahagian besar Pelaburan Kumpulan Wang Amanah Lain adalah dalam Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi Tiga Hingga 12 Bulan yang berjumlah RM9.538 bilion dan Deposit Jangka Panjang Dalam Negeri Melebihi 12 Bulan berjumlah RM0.136 bilion. Pelaburan ini diuruskan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.
- b. Pelaburan Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset (AAMKA) berkurangan dengan ketara sebanyak RM15.044 bilion atau 99.1% kepada RM0.136 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM15.180 bilion. Pengurangan ini selaras dengan pengurangan dana dalam AAMKA yang telah digunakan untuk pelunasan dua prinsipal bon syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

- c. Sebanyak enam Kumpulan Wang Amanah mempunyai amaun pelaburan melebihi RM500 juta, iaitu Akaun Deposit Wang Tak Dituntut sebanyak RM4.254 bilion, Akaun Amanah Estet Kebankrapan sebanyak RM1.350 bilion, Kumpulan Wang Amanah Fi Jaminan sejumlah RM0.615 bilion, Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik sejumlah RM0.607 bilion, Kumpulan Wang Pinjaman Badan Berkanun dan Badan-Badan Lain sebanyak RM0.577 bilion serta Akaun Amanah Wang Deposit Mahkamah Tinggi sejumlah RM0.500 bilion.

4.2.5. Pelaburan Am

- a. Pada akhir tahun 2022, Pelaburan Am adalah berjumlah RM11.004 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM3.980 bilion atau 56.7% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM7.024 bilion. Pelaburan Am merangkumi 31.3% daripada keseluruhan pelaburan Kerajaan. Pelaburan Am terdiri daripada Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri, Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi Tiga Hingga 12 Bulan, Deposit Jangka Pendek Luar Negeri Melebihi Tiga Hingga 12 Bulan dan pemilikan dua bidang tanah.
- b. Peningkatan ketara Pelaburan Am adalah dalam Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi Tiga Hingga 12 Bulan berjumlah RM3.980 bilion selaras dengan peningkatan terimaan hasil pada suku tahun keempat yang berjumlah RM86.785 bilion. Kedudukan Pelaburan Am pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.7**.

JADUAL 2.7
KEDUDUKAN PELABURAN AM PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	INSTRUMEN PELABURAN	NILAI BUKU		PERUBAHAN	
		TAHUN 2022 (RM Juta)	TAHUN 2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	6,717.76	6,717.76	-	-
2.	Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 hingga 12 Bulan	4,280.00	300.00	3,980.00	1,326.7
3.	Deposit Jangka Pendek Luar Negeri Melebihi 3 hingga 12 Bulan	5.29	5.63	(0.34)	(6.0)
4.	Pelbagai	0.94	0.94	-	-
JUMLAH		11,003.99	7,024.33	3,979.66	56.7

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

5.1. Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua terimaan wang serta perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan. Akaun ini ditubuhkan selaras dengan Perkara 97, Perlembagaan Persekutuan dan Subseksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

5.2. Pada tahun 2022, hasil Persekutuan adalah berjumlah RM294.357 bilion, manakala perbelanjaan mengurus (sebelum pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan) adalah berjumlah RM292.693 bilion. **Akaun Hasil Disatukan mencatatkan lebih hasil berjumlah RM1.664 bilion, iaitu berkurangan sebanyak RM0.572 bilion atau 25.6% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM2.236 bilion.** Keseluruhan amaun lebih ini telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan dan baki Akaun Hasil Disatukan kekal berjumlah RM11.863 bilion. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.8**.

JADUAL 2.8
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
Baki Pada 1 Januari	11,863.13	11,863.13	-	-
Hasil	294,356.76	233,752.06	60,604.70	25.9
Perbelanjaan Mengurus	(292,693.21)	(231,516.36)	61,176.85	26.4
Lebih Hasil	1,663.55	2,235.70	(572.15)	(25.6)
Lebih Hasil Dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan	(1,663.55)	(2,235.70)	(572.15)	(25.6)
Baki Pada 31 Disember	11,863.13	11,863.13	-	-

Sumber: Nota 5, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

5.3. Hasil

5.3.1. Hasil Kerajaan Persekutuan terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai, Terimaan Bukan Hasil dan Hasil Wilayah Persekutuan. Pada tahun 2022, kutipan hasil Kerajaan adalah berjumlah RM294.357 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM60.605 bilion atau 25.9% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM233.752 bilion. Prestasi terimaan hasil Kerajaan pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.9**, trend kutipan hasil mengikut sukuan tahun 2022 adalah seperti dalam **Carta 2.1** dan trend kutipan hasil bagi tempoh lima tahun adalah seperti dalam **Carta 2.2**.

JADUAL 2.9
PRESTASI TERIMAAN HASIL KERAJAAN PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN	TAHUN 2022		TAHUN 2021		PERUBAHAN	
		RM JUTA	%	RM JUTA	%	RM JUTA	%
1.	Hasil Cukai	208,764.65	70.9	173,703.46	74.3	35,061.19	20.2
2.	Hasil Bukan Cukai	79,608.73	27.1	51,122.00	21.9	28,486.73	55.7
3.	Terimaan Bukan Hasil	5,296.18	1.8	8,410.94	3.6	(3,114.76)	(37.0)
4.	Hasil Wilayah Persekutuan	687.20	0.2	515.66	0.2	171.54	33.3
JUMLAH		294,356.76	100.0	233,752.06	100.0	60,604.70	25.9

Sumber: Nota 5, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022


CARTA 2.1
TREND KUTIPAN HASIL MENGIKUT SUKUAN TAHUN 2022



Sumber: Data Government Financial Management Accounting System (iGFMAS)

Nota: *Suku 4 merujuk kutipan hasil bulan Oktober 2022 sehingga tempoh Akaun Kena Bayar, iaitu bulan Januari 2023

CARTA 2.2
TREND KUTIPAN HASIL BAGI TEMPOH 2018 HINGGA 2022



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 hingga 2022

5.3.2. Hasil Cukai

- a. Hasil Cukai mewakili sebanyak 70.9% daripada keseluruhan terimaan hasil tahun 2022. **Kutipan Hasil Cukai adalah berjumlah RM208.765 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM35.062 bilion atau 20.2% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM173.703 bilion.** Prestasi kutipan Hasil Cukai Langsung dan Cukai Tidak Langsung pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.10**.

JADUAL 2.10
PRESTASI KUTIPAN HASIL CUKAI PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	HASIL CUKAI	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Langsung	153,475.66	130,115.86	23,359.80	18.0
2.	Tidak Langsung	55,288.99	43,587.60	11,701.39	26.8
JUMLAH		208,764.65	173,703.46	35,061.19	20.2

Sumber: Nota 5(a), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

b. Cukai Langsung

- i. Prestasi kutipan Hasil Cukai Langsung pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.11**.

JADUAL 2.11
PRESTASI KUTIPAN HASIL CUKAI LANGSUNG
PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Cukai Pendapatan - Syarikat	82,133.42	79,829.03	2,304.39	2.9
2.	Cukai Pendapatan - Individu	33,776.00	27,050.73	6,725.27	24.9
3.	Cukai Pendapatan - Petroleum	23,420.73	11,569.86	11,850.87	102.4
4.	Duti Setem	8,038.50	6,339.86	1,698.64	26.8
5.	Cukai Pendapatan - Cukai Pegangan	3,783.52	3,035.47	748.05	24.6
6.	Cukai Keuntungan Harta Tanah	1,410.67	1,803.17	(392.50)	(21.8)
7.	Cukai Aktiviti Perniagaan Pesisir Labuan	735.98	289.24	446.74	154.5
8.	Cukai Pendapatan - Koperasi	115.79	141.76	(25.97)	(18.3)
9.	Cukai Pendapatan Lain - Cukai Seksyen 124	47.53	47.11	0.42	0.9
10.	Cukai Langsung Lain	13.40	9.07	4.33	47.7
11.	Duti Harta Pusaka	0.12	0.56	(0.44)	(78.6)
JUMLAH		153,475.66	130,115.86	23,359.80	18.0

Sumber: Data iGFMAS

- ii. Komponen utama Cukai Langsung adalah Cukai Pendapatan yang berjumlah RM143.277 bilion. Prestasi kutipan Cukai Pendapatan merekodkan peningkatan sejumlah RM21.603 bilion atau 17.8% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM121.674 bilion.
- iii. Kutipan Cukai Pendapatan Syarikat meningkat sejumlah RM2.304 bilion atau 2.9% kepada RM82.133 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM79.829 bilion. Antara faktor mempengaruhi peningkatan prestasi kutipan Cukai Pendapatan Syarikat adalah kenaikan Cukai Makmur secara *one-off* kepada syarikat dengan pendapatan bercukai melebihi RM100 juta bagi tahun taksiran 2022. Amaun kutipan Cukai Makmur bagi tempoh tahun 2022 adalah berjumlah RM7.197 bilion.
- iv. Kutipan Cukai Pendapatan Individu juga merekodkan peningkatan sejumlah RM6.725 bilion atau 24.9% kepada RM33.776 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM27.051 bilion. Peningkatan ini disebabkan bayaran baki Cukai Individu (Perniagaan) untuk tahun taksiran 2021 yang diterima pada Jun 2022.

- v. Cukai Pendapatan Petroleum merekodkan peningkatan ketara sejumlah RM11.851 bilion atau 102.4% kepada RM23.421 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM11.570 bilion. Peningkatan ini disebabkan lonjakan harga minyak mentah dunia dengan purata USD100 setong berbanding USD71 setong pada tahun 2021.

c. Cukai Tidak Langsung

- i. Hasil Cukai Tidak Langsung adalah berjumlah RM55.289 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM11.701 bilion atau 26.8% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM43.588 bilion. Komponen utama dalam Cukai Tidak Langsung adalah Cukai Jualan berjumlah RM16.256 bilion atau 29.4%, Cukai Perkhidmatan berjumlah RM15.112 bilion atau 27.3%, serta duti eksais berjumlah RM12.556 bilion atau 22.7%.
- ii. Cukai Jualan terdiri daripada cukai yang dikenakan kepada barang-barang perkilangan dalam negeri yang berjumlah RM6.248 bilion dan barangan yang diimport yang berjumlah RM10.008 bilion. Cukai Jualan meningkat sejumlah RM2.658 bilion atau 19.5% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM13.598 bilion. Cukai Jualan yang meningkat antaranya adalah Cukai Jualan Atas Import Mesin Dan Alat Ganti serta Cukai Jualan Barangan Perkilangan. Pembukaan semula sektor ekonomi sepenuhnya pada bulan April 2022 telah menyumbang kepada peningkatan cukai jualan.
- iii. Kutipan Cukai Perkhidmatan adalah berjumlah RM15.112 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM3.094 bilion atau 25.7% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM12.018 bilion. Kutipan utama Cukai Perkhidmatan adalah daripada sektor perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman berjumlah RM2.083 bilion, insurans dan takaful sebanyak RM1.558 bilion, perkhidmatan telekomunikasi sebanyak RM1.459 bilion, perkhidmatan pengurusan sebanyak RM1.417 bilion, teknologi maklumat sebanyak RM1.178 bilion serta sektor perkhidmatan digital yang diimport berjumlah RM1.007 bilion.
- iv. Kutipan Duti Eksais adalah berjumlah RM12.556 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM2.315 bilion atau 22.6% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM10.241 bilion. Kutipan utama Duti Eksais melibatkan kenderaan penumpang berjumlah RM3.475 bilion, motokar *Completely Built Up* (CBU) sebanyak RM2.705 bilion, rokok yang diimport sebanyak RM2.307 bilion, bir daripada malt sebanyak RM2.033 bilion serta motosikal dan skuter yang berjumlah RM1.215 bilion. Antara faktor yang mempengaruhi prestasi kutipan

Duti Eksais adalah pelanjutan tempoh pendaftaran kenderaan sehingga 31 Mac 2023 bagi tempahan kenderaan yang dibuat sehingga 30 Jun 2022 bagi membolehkan pembeli menikmati insentif pengecualian Cukai Jualan. Jumlah jualan kenderaan pada tahun 2022 sebanyak 720,658 unit berbanding tahun 2021 sebanyak 508,883 unit, iaitu peningkatan sebanyak 211,775 unit atau 41.6%.

- v. Kutipan Duti Kastam adalah berjumlah RM5.814 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM1.112 bilion atau 23.6% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM4.702 bilion. Kutipan utama Duti Kastam melibatkan eksport minyak kelapa sawit mentah berjumlah RM1.251 bilion, eksport petroleum mentah sebanyak RM1.208 bilion, import motokar CBU sebanyak RM0.569 bilion, import alat ganti kenderaan bermotor sebanyak RM0.461 bilion serta import mesin dan alat-alat ganti yang berjumlah RM0.364 bilion.
- vi. Kutipan Levi adalah berjumlah RM3.219 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM1.162 bilion atau 56.5% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM2.057 bilion. Penyumbang utama adalah kutipan levi buah kelapa sawit berjumlah RM3.021 bilion. Kenaikan harga kelapa sawit di pasaran selain faktor negara Indonesia menghentikan eksport ke luar negara bermula 28 April 2022 sehingga Disember 2022 telah menggalakkan pengeluaran dan menyumbang kepada peningkatan levi buah kelapa sawit.

5.3.3. Hasil Bukan Cukai

- a. **Hasil Bukan Cukai meningkat sejumlah RM28.487 bilion atau 55.7% kepada RM79.609 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM51.122 bilion.** Terimaan faedah dan perolehan daripada pelaburan, pinjaman Persekutuan dan terbitan instrumen kewangan Kerajaan meningkat dengan ketara sejumlah RM23.205 bilion atau 66.3% kepada RM58.223 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM35.018 bilion. **Peningkatan ini disebabkan terimaan dividen daripada syarikat Petroliam Nasional Berhad yang berjumlah RM50 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM25 bilion** serta Bank Negara Malaysia sebanyak RM5 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM4 bilion.
- b. Hasil daripada kutipan lesen, bayaran pendaftaran dan permit telah meningkat sejumlah RM5.048 bilion atau 47.7% kepada RM15.626 bilion berbanding tahun

2021 yang berjumlah RM10.578 bilion. Peningkatan ini antaranya melibatkan terimaan royalti petroleum yang lebih tinggi sejumlah RM2.276 bilion atau 61.5% kepada RM5.975 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM3.699 bilion.

- c. Selain itu, kutipan levi ke atas pekerja-pekerja asing juga merekodkan peningkatan sejumlah RM1.495 bilion atau 76.9% kepada RM3.440 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM1.945 bilion. Kutipan lesen kenderaan bermotor yang berjumlah RM3.195 bilion juga meningkat sejumlah RM0.398 bilion atau 14.2% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM2.797 bilion.
- d. Bagaimanapun, pindahan premium bersih daripada penerbitan instrumen kewangan Malaysia berkurangan sejumlah RM0.950 bilion atau 52.8% kepada RM0.850 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM1.800 bilion.

5.3.4. Terimaan Bukan Hasil

- a. Terimaan Bukan Hasil berkurangan sejumlah RM3.115 bilion atau 37% kepada RM5.296 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM8.411 bilion. Pengurangan ini disebabkan antaranya oleh ambilan daripada Kumpulan Wang Amanah Pencen yang lebih rendah, iaitu sebanyak RM3 bilion berbanding tahun 2021 sebanyak RM5 bilion.
- b. Selain itu, terimaan dana daripada Kumpulan Wang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia juga berkurangan sebanyak RM0.590 bilion atau 58.4% kepada RM0.420 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM1.010 bilion.

5.3.5. Hasil Wilayah Persekutuan

Hasil Wilayah Persekutuan meningkat sejumlah RM171.54 juta atau 33.3% kepada RM687.20 juta berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM515.66 juta. Peningkatan ini disebabkan kutipan premium dan cukai tanah yang lebih tinggi sebanyak RM604.35 juta berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM448.21 juta.

5.4. Perbelanjaan Mengurus

5.4.1. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada perbelanjaan tanggungan (Vot T) dan bekalan (Vot B). Perbelanjaan mengurus adalah berjumlah RM294.357 bilion (termasuk termasuk pindahan lebihan hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan), iaitu meningkat sejumlah RM60.605 bilion atau 25.9% berbanding tahun 2021 yang


berjumlah RM233.752 bilion. Prestasi perbelanjaan mengurus pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.12**, trend perbelanjaan mengurus mengikut sukuan tahun 2022 adalah seperti dalam **Carta 2.3** dan trend perbelanjaan mengurus bagi tempoh lima tahun adalah seperti dalam **Carta 2.4**.

JADUAL 2.12
PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Perbelanjaan Bekalan	215,932.15	161,301.14	54,631.01	33.9
2.	Perbelanjaan Tanggungan	78,424.61	72,450.92	5,973.69	8.2
JUMLAH		294,356.76	233,752.06	60,604.70	25.9

Sumber: Nota 5(b), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022


CARTA 2.3
TREND PERBELANJAAN MENGURUS MENGIKUT SUKUAN TAHUN 2022



Sumber: Data iGFMAS

Nota: *Suku 4 merujuk perbelanjaan yang dikenakan bermula bulan Oktober 2022 sehingga tempoh Akaun Kena Bayar, iaitu bulan Januari 2023

CARTA 2.4
TREND PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TEMPOH 2018 HINGGA 2022



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 hingga 2022

5.4.2. Pada tahun 2022, Perbendaharaan telah mengeluarkan Waran Am Bilangan 1 Tahun 2022 bagi tujuan perbelanjaan mengurus berjumlah RM233.491 bilion. Dalam tempoh yang sama, sejumlah RM3.882 bilion waran peruntukan tambahan telah dikeluarkan dan sejumlah RM0.407 bilion waran sekatan peruntukan dikenakan. Ini menjadikan, peruntukan muktamad bagi tahun 2022 berjumlah RM236.966 bilion. Kedudukan peruntukan dan perbelanjaan mengurus tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.13**.


JADUAL 2.13
KEDUDUKAN PERUNTUKAN DAN
PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2022 BERBANDING 2021

PERKARA	TAHUN		PERUBAHAN	
	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
Peruntukan:				
Anggaran Asal	233,491.43	236,495.00	(3,003.57)	(1.3)
(+) Tambahan	3,881.82	1,107.51	2,774.31	250.5
(-) Waran Penyekatan Peruntukan	(407.21)	(10,781.36)	(10,374.15)	(96.2)
PERUNTUKAN MUKTAMAD	236,966.04	226,821.15	10,144.89	4.5
Perbelanjaan Mengurus	292,693.21	231,516.36	61,176.85	26.4
(+) Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan	1,663.55	2,235.70	(572.15)	(25.6)
Keseluruhan Perbelanjaan Mengurus	294,356.76	233,752.06	60,604.70	25.9
Peratus Perbelanjaan	124.2%	103.1%		

Sumber: Lampiran 1, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022 dan 2021

5.4.3. Prestasi perbelanjaan sebenar bagi tahun 2022 (termasuk pindahan lebihan hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan) adalah berjumlah RM294.357 bilion, iaitu melebihi peruntukan sejumlah RM57.391 bilion atau 24.2%. Lebihan perbelanjaan ini telah dimasukkan dalam Rang Perbekalan Tambahan dan diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 27 Mac 2023 serta mendapat kelulusan Dewan Negara pada 10 April 2023. Prestasi perbelanjaan mengurus bagi 10 kementerian tertinggi pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Carta 2.5**.

CARTA 2.5
PRESTASI PERBELANJAAN MENGRUS
BAGI 10 KEMENTERIAN TERTINGGI TAHUN 2022 BERBANDING 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

5.4.4. Kementerian Kewangan mencatatkan perbelanjaan tertinggi berjumlah RM120.174 bilion atau 40.8% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus. Amaun perbelanjaan ini meningkat sejumlah RM47.125 bilion atau 64.5% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM73.049 bilion. Peningkatan ketara perbelanjaan Kementerian Kewangan melibatkan perbelanjaan subsidi produk petroleum berjumlah RM45.184 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM35.161 bilion atau 350.8% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM10.023 bilion. Selain itu, jumlah perbelanjaan di Kementerian Kewangan adalah termasuk amaun pelarasan lebih perbelanjaan di pelbagai kementerian merangkumi perbelanjaan emolumen, perkhidmatan, pemberian dalam negeri dan ganjaran berjumlah RM3.992 bilion.

5.4.5. Kementerian Pendidikan mencatatkan perbelanjaan kedua tertinggi berjumlah RM48.395 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM3.075 bilion atau 6.8% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM45.320 bilion. Peningkatan ini antaranya disebabkan perbelanjaan bagi kos mengoperasi sekolah secara bersemuka seperti bantuan persekolahan, utiliti serta bekalan makanan dan minuman. Selain itu, terdapat peningkatan perbelanjaan bagi tuntutan perjalanan dan kos pengangkutan barang-barang melibatkan pertukaran guru, pelaksanaan mesyuarat/program/kursus secara bersemuka dan pengambilan kakitangan MySTEP.

5.4.6. Kementerian Kesihatan merekodkan peningkatan perbelanjaan sejumlah RM4.056 bilion atau 16.5% kepada RM28.706 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM24.650 bilion. Peningkatan ini disebabkan pengelasan semula perbelanjaan yang diambil kira sebagai perbelanjaan pembangunan pada tahun 2021 kepada perbelanjaan mengurus pada tahun 2022 yang berjumlah RM5.143 bilion. Pengelasan semula perbelanjaan ini melibatkan program Bekalan Perubatan Fasilitas Kesihatan sejumlah RM3.363 bilion, Konsesi Penswastan Makmal Ubat dan Stor sejumlah RM1.692 bilion dan Perkhidmatan Sokongan Hospital sejumlah RM87.78 juta.

5.4.7. Sejumlah RM5.935 bilion atau 2% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus yang berjumlah RM294.357 bilion adalah perbelanjaan yang dikenakan dalam tempoh Akaun Kena Bayar (bulan ke-13). Senarai perbelanjaan dalam tempoh Akaun Kena Bayar adalah seperti dalam **Jadual 2.14**.

JADUAL 2.14
SENARAI PERBELANJAAN DALAM TEMPOH AKAUN KENA BAYAR TAHUN 2022

BIL.	RINGKASAN PERBELANJAAN	AMAUN (RM Juta)
1.	Bayaran Diskaun Bil Elektrik kepada Tenaga Nasional Berhad	4,000.00
2.	Penyaluran Peruntukan Tambahan Tahun 2022 bagi Menampung Bayaran Subsidi Ayam dan Telur Kepada Lembaga Pertubuhan Peladang	402.00
3.	Penyaluran Peruntukan Fi Agensi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia	440.00
4.	Faedah Atas Pinjaman (Sekuriti Kerajaan Malaysia)	293.98
5.	Penyaluran Geran Peruntukan Kepada Lembaga Pembiayaan Perumahan & Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal	266.81
6.	Pampasan Penangguhan Kenaikan Kadar Tol/Diskaun Tol Hari Raya	241.15
7.	Subsidi untuk Skim Penstabilan Minyak Masak	176.46
8.	Penyaluran kepada Keretapi Tanah Melayu Berhad dan Malaysia Professional Accountancy Centre	77.20
9.	Penyaluran Peruntukan Tambahan kepada Jabatan Peguam Negara bagi Perkhidmatan Penyelidikan Khas	20.05
10.	Penyaluran Dana untuk Bayaran Faedah Perubatan kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	10.86
11.	Bayaran Subsidi Pas Bulanan Tanpa Had MY50 kepada Prasarana Malaysia Berhad	4.40
12.	Bantuan Kewangan kepada Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia	2.50
JUMLAH		5,935.41

Sumber: Data iGFMAS

5.4.8. Berdasarkan penjenisan perbelanjaan pula, perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap merupakan perbelanjaan tertinggi yang berjumlah RM170.243 bilion atau 57.8% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus. Prestasi perbelanjaan mengurus mengikut penjenisan perbelanjaan adalah seperti dalam **Jadual 2.15**.

JADUAL 2.15
PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS
MENGIKUT PENJENISAN PERBELANJAAN TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	JENIS PERBELANJAAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	170,242.54	121,578.75	48,663.79	40.0
2.	Emolumen	87,789.10	85,853.52	1,935.58	2.3
3.	Perkhidmatan dan Bekalan	34,692.21	24,923.63	9,768.58	39.2
4.	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	866.80	800.45	66.35	8.3
5.	Aset	766.11	595.71	170.40	28.6
JUMLAH		294,356.76	233,752.06	60,604.70	25.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022 dan 2021

5.4.9. Perbelanjaan Utama

a. Perbelanjaan Subsidi

- i. Perbelanjaan subsidi yang dikenakan kepada vot mengurus adalah berjumlah RM55.443 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM42.309 bilion atau 322.1% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM13.134 bilion. Antara perbelanjaan subsidi yang tertinggi ialah subsidi barangan produk petroleum yang berjumlah RM45.184 bilion atau 81.5% daripada keseluruhan perbelanjaan tersebut.
- ii. Perbelanjaan subsidi barangan produk petroleum melibatkan produk petrol RON 95, diesel dan gas asli cecair (LPG) yang dibekalkan oleh 15 syarikat pengeluar bagi tuntutan bulan Disember 2021 hingga Oktober 2022. Subsidi dibayar berdasarkan perbezaan harga jualan yang ditetapkan Kerajaan dengan harga sebenar pasaran. Pada tahun 2022, harga purata produk petroleum setong di pasaran dunia telah meningkat kepada USD100 berbanding tahun 2021 sebanyak USD71. Bagaimanapun, harga jualan yang ditetapkan oleh Kerajaan masih kekal dan tidak berubah sejak tahun 2021. Perincian perbelanjaan subsidi produk petroleum adalah seperti dalam **Jadual 2.16**.


JADUAL 2.16
PERBELANJAAN SUBSIDI
PRODUK PETROLEUM PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	JENIS PRODUK PETROLEUM	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	RON 95	23,075.51	4,469.04	18,606.47	416.3
2.	Diesel	18,667.94	2,901.21	15,766.73	543.5
3.	LPG	3,440.69	2,652.48	788.21	29.7
JUMLAH		45,184.14	10,022.73	35,161.41	350.8

Sumber: Data iGFMAS

- iii. Perbelanjaan subsidi bil elektrik di bawah mekanisme Imbalance Cost Pass-Through (ICPT) berjumlah RM4 bilion telah dikenakan kepada vot mengurus pada tahun 2022. Perbelanjaan ini melibatkan pembayaran sebahagian tuntutan subsidi bil elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad bagi tempoh Julai hingga Disember 2022 yang berjumlah RM10.757 bilion.
- iv. Perbelanjaan subsidi minyak masak, bantuan makanan dan makanan tambahan adalah berjumlah RM2.470 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM1.421 bilion atau 135.5% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM1.049 bilion. Peningkatan ketara melibatkan subsidi minyak masak yang berjumlah RM2.416 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM976.40 juta berikutan peningkatan harga komoditi buah kelapa sawit. Pada tahun 2022, purata harga minyak sawit mentah adalah pada paras RM5,125.63 bagi setiap tan berbanding tahun 2021 pada kadar RM4,417.46. Selain itu, perbelanjaan yang dikenakan kepada Kumpulan Wang Covid-19 pada tahun 2021 telah diselaraskan kepada vot mengurus pada tahun 2022. Ini dapat dilihat dengan penurunan perbelanjaan bagi program Bantuan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak Kumpulan Wang Covid-19 sebanyak RM1.066 bilion atau 89.9%.
- v. Perbelanjaan subsidi pampasan tol pula berjumlah RM861.22 juta, iaitu berkurangan sejumlah RM474.94 juta atau 35.5% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM1.336 bilion. Perbelanjaan ini merupakan amaun pampasan yang dibayar kepada 19 buah syarikat konsesi lebuhraya berikutan pemberian diskaun tol dan penangguhan kenaikan kadar tol.
- vi. Subsidi ayam dan telur telah diperkenalkan mulai 5 Februari 2022 bagi meringankan beban penternak susulan peningkatan kos pengeluaran terutamanya kos makanan ayam, anak ayam, logistik, pekerja, utiliti dan ubat-ubatan yang melebihi harga siling ayam dan telur yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Perbelanjaan subsidi ini adalah berjumlah RM2.255 bilion yang dibayar melalui Bank Pertanian Malaysia Berhad dan Lembaga Pertubuhan Peladang.
- vii. Trend perbelanjaan subsidi yang dikenakan kepada vot perbelanjaan mengurus bagi tempoh lima tahun adalah seperti dalam **Carta 2.6**.

CARTA 2.6
TREND PERBELANJAAN SUBSIDI YANG DIKENAKAN KEPADA
VOT PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TEMPOR TAHUN 2018 HINGGA 2022




Sumber: Data iGFMAS

viii. Sebahagian perbelanjaan subsidi bagi produk petroleum dan subsidi minyak masak turut dikenakan kepada Kumpulan Wang Covid-19 berjumlah RM6.670 bilion. Ini menjadikan keseluruhan perbelanjaan subsidi Kerajaan bagi tahun 2022 adalah berjumlah RM62.113 bilion.

b. Perbelanjaan Kerana Hutang Negara

i. Perbelanjaan kerana hutang negara yang dikenakan kepada Vot T.13 terus mencatatkan peningkatan berikutan kenaikan dalam Hutang Persekutuan. **Perbelanjaan kerana hutang negara adalah berjumlah RM41.269 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM3.200 bilion atau 8.4% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM38.069 bilion.** Peratusan perbelanjaan ini berbanding kutipan hasil tahun 2022 yang berjumlah RM294.357 bilion adalah pada nisbah 14% berbanding 16.3% pada tahun 2021. Trend perbelanjaan kerana hutang negara dan peratusannya berbanding terimaan hasil bagi tempoh lima tahun adalah seperti dalam **Carta 2.7**.

CARTA 2.7
TREND PERBELANJAAN KERANA HUTANG NEGARA DAN PERATUSANNYA
BERBANDING TERIMAAN HASIL BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2022



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 hingga 2022


- ii. Perbelanjaan kerana hutang negara merangkumi bayaran faedah atas instrumen pinjaman kerajaan, potongan/diskaun atas Bil Perbendaharaan, bayaran keuntungan atas Terbitan Pelaburan Kerajaan serta bayaran pengurusan Pinjaman Dalam Negeri dan Luar Negeri.
- iii. Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM40.553 bilion atau 98.3% dari keseluruhan perbelanjaan kerana hutang negara bagi membiayai bayaran faedah, dividen atau keuntungan atas Pinjaman Dalam Negeri. Manakala sebanyak RM0.713 bilion atau 1.7% adalah perbelanjaan bagi membiayai bayaran faedah, dividen atau keuntungan atas Pinjaman Luar Negeri.

c. Bayaran Persaraan

- i. Bayaran persaraan yang diperuntukkan kepada Vot T.14 terdiri daripada perbelanjaan pencen, elaun bersara dan ganjaran dengan anggaran belanjawan asal berjumlah RM27.500 bilion. Peruntukan ini telah ditambah melalui Waran Khas Bilangan 1 Tahun 2022 sejumlah RM2.781 bilion. Perbelanjaan sebenar adalah berjumlah RM30.260 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM2.223 bilion atau 7.9% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM28.037 bilion.

- ii. Termasuk dalam perbelanjaan pencen yang berjumlah RM30.260 bilion adalah bayaran kepada pegawai yang bersara dalam tahun 2022 berjumlah RM7.887 bilion atau 26.1%. Bayaran ini merangkumi bayaran ganjaran sejumlah RM6.214 bilion, bayaran pencen sejumlah RM0.839 bilion, gantian cuti rehat sejumlah RM0.832 bilion dan elaun bersara berjumlah RM0.002 bilion. Trend bayaran kepada pesara baharu bagi tempoh lima tahun adalah seperti dalam **Carta 2.8**.

CARTA 2.8
TREND PERBELANJAAN PENCEN PESARA BAHARU
BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2022



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 hingga 2022

d. Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri

Termasuk dalam perbelanjaan bawah Vot T.12 yang berjumlah RM6.755 bilion adalah perbelanjaan pemberian penyenggaraan jalan negeri berjumlah RM5.046 bilion. Pemberian penyenggaraan jalan negeri diperuntukkan di bawah Fasal 1 (b) Perkara 109, Perlembagaan Persekutuan. Pemberian adalah bagi tujuan penyenggaraan jalan negeri yang termasuk dalam kategori jalan standard, jalan substandard dan jalan pelancongan. Amaun pemberian ini meningkat sejumlah RM0.150 bilion atau 3.1% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM4.896 bilion. Perincian amaun pemberian mengikut kategori jalan adalah seperti dalam **Jadual 2.17**.

JADUAL 2.17
PEMBERIAN PENYENGGARAAN
JALAN NEGERI PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	KATEGORI JALAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Standard	3,529.91	3,467.48	62.43	1.8
2.	Substandard	1,515.75	1,428.14	87.61	6.1
3.	Pelancongan	0.35	0.40	(0.05)	(12.5)
JUMLAH		5,046.01	4,896.02	149.99	3.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022 dan 2021


e. Perbelanjaan Emolumen

Perbelanjaan emolumen adalah berjumlah RM87.789 bilion atau 29.8% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus. Perbelanjaan emolumen kekal dalam trend menaik setiap tahun dengan purata kenaikan bagi tempoh lima tahun adalah sejumlah RM1.950 bilion. Kementerian yang mencatatkan perbelanjaan emolumen tertinggi adalah Kementerian Pendidikan sebanyak RM40.319 bilion, Kementerian Kesihatan sebanyak RM17.406 bilion, Kementerian Dalam Negeri sebanyak RM9.937 bilion dan Kementerian Pertahanan sebanyak RM7.839 bilion. Amaun keseluruhan perbelanjaan emolumen kementerian berkenaan adalah berjumlah RM75.501 bilion atau 86% daripada keseluruhan perbelanjaan emolumen.

5.4.10. Pembayaran Arahan Perbendaharaan 58(a)


- a. Pembayaran Arahan Perbendaharaan 58(a) [AP58(a)] merujuk kepada perbelanjaan mengurus yang dikemukakan dalam tahun kewangan semasa, berkaitan dengan pertanggungan-pertanggungan yang kena dibayar pada atau sebelum hujung tahun kewangan yang lama.
- b. Pembayaran AP58(a) adalah berjumlah RM3.073 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM1.010 bilion atau 49% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM2.063 bilion. Trend pembayaran AP58(a) bagi tempoh lima tahun adalah seperti dalam **Carta 2.9** dan statistik bayaran AP58(a) mengikut Pegawai Pengawal adalah seperti dalam **Carta 2.10**.

**CARTA 2.9
TREND PEMBAYARAN AP58(a) BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2022**



Sumber: Data iGFMAS

**CARTA 2.10
PEMBAYARAN AP58(a) MENGIKUT PEGAWAI PENGAWAL BAGI TAHUN 2022**



Sumber: Data iGFMAS

- c. Pembayaran AP58(a) merangkumi bekalan dan perkhidmatan tahun 2021 yang berjumlah RM2,985.50 juta atau 97.1% serta bekalan dan perkhidmatan pada atau sebelum tahun 2020 yang berjumlah RM87.85 juta atau 2.9%. Prestasi bayaran AP58(a) mengikut tahun perkhidmatan dan bekalan adalah seperti dalam **Jadual 2.18**.

JADUAL 2.18
PECAHAN PEMBAYARAN AP58(a) PADA TAHUN 2022
MENGIKUT TAHUN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	TAHUN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN		JUMLAH (RM Juta)
		2021	≤ 2020	
		RM JUTA	RM JUTA	
1.	Perbendaharaan	1,832.08	43.35	1,875.43
2.	Kementerian Pendidikan	446.40	24.53	470.93
3.	Kementerian Kesihatan	295.46	9.84	305.30
4.	Kementerian Dalam Negeri	211.88	1.83	213.71
5.	Jabatan Perdana Menteri	76.37	0.40	76.77
6.	Kementerian Pertahanan	35.37	0.14	35.51
7.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	22.53	0.42	22.95
8.	Kementerian Pengangkutan	15.81	5.77	21.58
9.	Kementerian Sumber Manusia	8.15	0.04	8.19
10.	Kementerian/Jabatan Lain	41.45	1.53	42.98
JUMLAH		2,985.50	87.85	3,073.35

Sumber: Data iGFMAS

Nota: ≤ - Pada atau sebelum

- d. Perbendaharaan merekodkan bayaran AP58(a) tertinggi yang berjumlah RM1.875 bilion. Sebahagian besar bayaran melibatkan bayaran subsidi produk petroleum tahun 2021 sebanyak RM1.666 bilion dan bayaran baki fi agensi LHDNM sebanyak RM0.088 bilion. Bayaran perkhidmatan sebelum tahun 2021 pula melibatkan bayaran pampasan penangguhan kenaikan kadar tol berjumlah RM0.043 bilion.
- e. Kementerian Pendidikan mencatatkan bayaran AP58(a) kedua tertinggi berjumlah RM0.471 bilion. Bayaran AP58(a) di Kementerian Pendidikan antaranya melibatkan bayaran pembersihan kawasan bangunan pejabat, penyenggaraan lif dan kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan (termasuk institut pelajaran dan institut penyelidikan) yang berjumlah RM0.429 bilion.
- f. Berdasarkan tahun perkhidmatan, tempoh perkhidmatan terawal yang dibayar di bawah AP58(a) adalah untuk tahun 2008 hingga 2011 melibatkan bayaran bil utiliti bangunan sekolah dan penyenggaraan rumah jabatan yang berjumlah RM0.08 juta. Bagi tempoh perkhidmatan tahun 2012 hingga 2016 pula, bayaran utama adalah bil utiliti sebanyak RM0.17 juta, penjelasan tunggakan caruman KWSP sebanyak RM0.09 juta dan bayaran perkhidmatan kawalan keselamatan sebanyak RM0.06 juta. Selain itu, sebahagian besar pembayaran AP58(a) bagi tahun perkhidmatan 2017 hingga 2020 adalah melibatkan Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Kesihatan bagi menjelaskan pampasan penangguhan kenaikan tol sebanyak RM43.29 juta dan rawatan pesakit tanggungan kerajaan di Institut

Jantung Negara sebanyak RM7.47 juta. Kedudukan bayaran AP58(a) bagi perkhidmatan pada dan sebelum tahun 2020 adalah seperti **Jadual 2.19**.

JADUAL 2.19
KEDUDUKAN BAYARAN AP58(a)
BAGI TAHUN PERKHIDMATAN PADA DAN SEBELUM 2020

TAHUN PERKHIDMATAN	BILANGAN ARAHAN PEMBAYARAN	AMAUN (RM Juta)
2008 hingga 2011	33	0.08
2012 hingga 2016	83	0.40
2017 hingga 2020	3,054	87.37
JUMLAH	3,170	87.85

Sumber: Data iGFMAS

g. Pembayaran AP58(a) Selepas Bulan April 2022

- i. Surat Edaran Kementerian Kewangan bertarikh 27 Januari 2021 menetapkan semua pembayaran AP58(a) hendaklah selesai sebelum atau pada 30 April dan sebarang pembayaran selepas tarikh tersebut hendaklah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan. Kementerian/Jabatan/Agensi perlu memastikan bahawa perbelanjaan yang dilakukan mematuhi tatacara dan peraturan kewangan Kerajaan yang berkuat kuasa.
- ii. Pembayaran AP58(a) yang dijelaskan sehingga bulan April 2022 adalah berjumlah RM2.650 bilion atau 86.2% daripada keseluruhan bayaran yang berjumlah RM3.073 bilion. Baki bayaran berjumlah RM0.423 bilion atau 13.8% dibayar selepas bulan April 2022. Prestasi pembayaran AP58(a) sehingga dan selepas 30 April 2022 adalah seperti dalam **Jadual 2.20**.

JADUAL 2.20
PRESTASI PEMBAYARAN AP58(a) SEHINGGA DAN SELEPAS 30 APRIL 2022

BIL.	PEGAWAI PENGAWAL	SEHINGGA APRIL		SELEPAS APRIL	
		BILANGAN ARAHAN PEMBAYARAN	AMAUN (RM Juta)	BILANGAN ARAHAN PEMBAYARAN	AMAUN (RM Juta)
1.	Kementerian Kesihatan	22,869	175.40	43,670	129.90
2.	Kementerian Dalam Negeri	16,893	88.21	20,072	125.50
3.	Kementerian Pendidikan	13,002	415.11	2,916	55.82
4.	Jabatan Perdana Menteri	10,379	28.16	3,576	48.61
5.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	1,009	2.43	817	20.53
6.	Kementerian Pengangkutan	579	8.44	28	13.13
7.	Kementerian Pertahanan	1,155	24.28	857	11.23
8.	Perbendaharaan	2,384	1,870.16	195	5.27
9.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	791	1.46	39	4.51

BIL.	PEGAWAI PENGAWAL	SEHINGGA APRIL		SELEPAS APRIL	
		BILANGAN ARAHAN PEMBAYARAN	AMAUN (RM Juta)	BILANGAN ARAHAN PEMBAYARAN	AMAUN (RM Juta)
10.	Kementerian/Jabatan Lain	10,051	36.57	1,109	8.62
JUMLAH		79,112	2,650.22	73,279	423.12

Sumber: Data iGFMAS dan Rekod di Negeri/Kementerian/Jabatan

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

6.1. Akaun Pinjaman Disatukan (APDS) mengakaunkan urus niaga pinjaman dalam dan luar negeri. Akaun Pinjaman Disatukan kekal berbaki sifar pada akhir tahun 2022. Kedudukan APDS pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.21** dan perincian terimaan dan bayaran mengikut jenis instrumen pinjaman adalah seperti dalam **Jadual 2.22**.

JADUAL 2.21
KEDUDUKAN AKAUN PINJAMAN DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
Baki Pada 1 Januari	-	-	-	-
Terimaan:				
Dalam Negeri	231,364.98	211,924.84	19,440.14	9.2
Luar Negeri	-	5,276.55	(5,276.55)	(100.0)
Jumlah Terimaan	231,364.98	217,201.39	14,163.59	6.5
Bayaran:				
Dalam Negeri	(131,262.25)	(110,221.16)	21,041.09	19.1
Luar Negeri	(265.56)	(3,542.71)	(3,277.15)	(92.5)
Jumlah Bayaran	(131,527.81)	(113,763.87)	17,763.94	15.6
Pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan	(68,540.98)	(62,317.00)	6,223.98	10.0
Pindahan ke Kumpulan Wang Covid-19	(30,880.00)	(38,000.00)	(7,120.00)	(18.7)
Pelarasan ke Akaun Premium/Diskaun Sekuriti Kerajaan	(416.19)	(3,120.52)	(2,704.33)	(86.7)
Baki Pada 31 Disember	-	-	-	-

Sumber: Nota 6, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

JADUAL 2.22
PERINCIAN TERIMAAN DAN BAYARAN PINJAMAN PADA TAHUN 2022

INSTRUMEN PINJAMAN KERAJAAN	TERIMAAN (RM Juta)	BAYARAN PINJAMAN MATANG (RM Juta)	TERIMAAN/ (BAYARAN) BERSIH (RM Juta)	PELARASAN PREMIUM BERSIH (RM Juta)	PINDAHAN KE KWP DAN KWC (RM Juta)
DALAM NEGERI					
Sekuriti Kerajaan Malaysia	86,635.56	(29,039.80)	57,595.76	(135.56)	(48,175.98)
Terbitan Pelaburan Kerajaan	85,280.63	(36,300.00)	48,980.63	(280.63)	(48,034.00)
Bil Perbendaharaan	59,448.79	(56,256.03)	3,192.76*	-	(3,211.00)
Sukuk	-	(9,666.42)	(9,666.42)*	-	-
Jumlah Dalam Negeri	231,364.98	(131,262.25)	100,102.73	(416.19)	(99,420.98)
LUAR NEGERI					
Pinjaman Pasaran	-	-	-	-	-
Multilateral	-	(33.17)	(33.17)*	-	-
Bilateral	-	(232.39)	(232.39)*	-	-
Jumlah Luar Negeri	-	(265.56)	(265.56)	-	-
JUMLAH KESELURUHAN	231,364.98	(131,527.81)	99,837.17	(416.19)	(99,420.98)

Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Nota: * Amaun terimaan bersih Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Terbitan Pelaburan Kerajaan juga digunakan untuk bayaran prinsipal matang bagi Bil Perbendaharaan, Sukuk serta Pinjaman Multilateral dan Bilateral
KWP – Kumpulan Wang Pembangunan
KWC – Kumpulan Wang Covid-19

6.2. Keseluruhan terimaan pinjaman dalam tahun 2022 diperoleh melalui terbitan instrumen Sekuriti Kerajaan Malaysia sebanyak RM86.635 bilion, Terbitan Pelaburan Kerajaan sebanyak RM85.281 bilion dan Bil Perbendaharaan sebanyak RM59.449 bilion. **Terimaan pinjaman kasar adalah berjumlah RM231.365 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM14.164 bilion atau 6.5% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM217.201 bilion.**

6.3. Premium bersih dari terbitan instrumen Sekuriti Kerajaan Malaysia adalah sebanyak RM0.135 bilion, manakala sebanyak RM0.281 bilion merupakan premium bagi terbitan instrumen Terbitan Pelaburan Kerajaan. Jumlah premium bersih adalah RM0.416 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM3.120 bilion. Keseluruhan amaun premium bersih telah dilaraskan kepada Akaun Penyelesaian Premium/Diskaun Sekuriti Kerajaan.

6.4. Penggunaan Pinjaman Kerajaan Persekutuan

6.4.1. Selain membiayai defisit perbelanjaan, Kerajaan juga menggunakan pinjaman baharu untuk melunaskan prinsipal pinjaman matang. **Pada tahun 2022, sebanyak RM131.528 bilion atau 56.8% daripada terimaan pinjaman kasar digunakan untuk melunaskan prinsipal pinjaman**


matang, iaitu meningkat sebanyak RM17.764 bilion atau 15.6% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM113.764 bilion.

6.4.2. Terimaan pinjaman bersih adalah berjumlah RM99.837 bilion, iaitu berkurang sebanyak RM3.601 bilion atau 3.5% berbanding RM103.438 bilion pada tahun 2021. Sebanyak RM68.541 bilion telah dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan bagi membiayai perbelanjaan pembangunan dan sebanyak RM30.880 bilion dipindahkan kepada Kumpulan Wang Covid-19 bagi membiayai perbelanjaan pakej bantuan Covid-19.

6.4.3. Daripada RM68.541 bilion yang dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan, sebanyak **RM17.086 bilion atau 24.9% telah digunakan untuk penyaluran geran komitmen jaminan, iaitu meningkat sebanyak RM7.439 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM9.647 bilion.**

6.4.4. Selain itu, sebanyak RM2.493 bilion atau 3.6% digunakan untuk pelunasan komitmen Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta (Liabiliti PFI), iaitu berkurangan sebanyak RM0.472 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM2.965 bilion.

6.4.5. Ringkasan penggunaan pinjaman Kerajaan bagi tahun 2022 adalah seperti dalam **Carta 2.11**.



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Akaun Amanah Disatukan berbaki sebanyak RM71.793 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM5.713 bilion atau 8.6% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM66.080 bilion. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.23**.

JADUAL 2.23
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	50,828.10	31,041.53	19,786.57	63.7
2.	Kumpulan Wang Amanah Awam	8,849.52	23,071.85	(14,222.33)	(61.6)
3.	Akaun Deposit	12,115.16	11,966.16	149.00	1.2
JUMLAH		71,792.78	66,079.54	5,713.24	8.6

Sumber: Nota 7, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

7.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*]. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Covid-19 dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Pada akhir tahun 2022, baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan adalah sebanyak RM50.828 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM19.786 bilion atau 63.7% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM31.042 bilion. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.24**.

JADUAL 2.24
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN
PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	KATEGORI AKAUN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Kumpulan Wang Pembangunan	(11,951.02)	(11,969.53)	18.51	0.2
2.	Kumpulan Wang Covid-19	211.93	291.76	(79.83)	(27.4)
3.	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	62,567.19	42,719.30	19,847.89	46.5
JUMLAH		50,828.10	31,041.53	19,786.57	63.7

Sumber: Nota 7(a), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

7.1.1. Kumpulan Wang Pembangunan

- a. Pada akhir tahun 2022, Kumpulan Wang Pembangunan masih berbaki defisit sebanyak RM11.951 bilion tetapi berkurangan sebanyak RM0.019 bilion atau 0.2% berbanding baki defisit RM11.970 bilion pada tahun 2021. Terimaan utama Kumpulan Wang Pembangunan terdiri daripada pindahan Akaun Pinjaman Disatukan sebanyak RM68.541 bilion, pindahan Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM1.664 bilion dan terimaan balik pinjaman berjumlah RM1.199 bilion. Perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2022 berjumlah RM71.574 bilion berbanding jumlah terimaan sebanyak RM71.592 bilion menjadikan lebihan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2022 sejumlah RM18.51 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.25**.

JADUAL 2.25
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN
PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
Baki Pada 1 Januari	(11,969.53)	(13,255.37)		
Terimaan:				
Pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan	1,663.55	2,235.70	(572.15)	(25.6)
Pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan	68,540.98	62,317.00	6,223.98	10.0
Terimaan Balik Pinjaman	1,198.65	975.03	223.62	22.9
Jualan Aset Modal	0.00*	0.01	(0.01)	(100.0)
Pelbagai Terimaan	189.29	14.76	174.53	1,182.5
Jumlah Terimaan	71,592.47	65,542.50	6,049.97	9.2
Bayaran:				
Perbelanjaan Pembangunan	(71,573.96)	(64,256.66)	7,317.30	11.4
Lebihan	18.51	1,285.84		
Baki Pada 31 Disember	(11,951.02)	(11,969.53)	18.51	0.2

Sumber: Nota 7(a)(i), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

Nota: *Amaun sebenar jualan aset modal tahun 2022 adalah RM300.00

b. Perbelanjaan Pembangunan

- i. Pada tahun 2022, Perbendaharaan telah mengeluarkan Waran Am Bilangan 1 Tahun 2022 berjumlah RM77.600 bilion bagi tujuan perbelanjaan pembangunan. Peruntukan ini telah ditambah sejumlah RM0.284 bilion melalui pendahuluan daripada simpanan luar jangka. Pada masa yang sama, sejumlah RM9.381 bilion waran sekatan telah dikenakan dan menjadikan peruntukan muktamad adalah berjumlah RM68.503 bilion. Amaun peruntukan ini meningkat sejumlah RM7.609 bilion atau 12.5% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM60.894 bilion.


- ii. Prestasi perbelanjaan sebenar adalah berjumlah RM71.574 bilion atau 104.5% berbanding peruntukan. Amaun perbelanjaan ini meningkat sejumlah RM7.317 bilion atau 11.4% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM64.257 bilion. Lebihan perbelanjaan ini telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 30 Mac 2023. Prestasi perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.26**, trend perbelanjaan pembangunan mengikut sukuan tahun 2022 adalah seperti dalam **Carta 2.12**, trend perbelanjaan pembangunan bagi tempoh lima tahun adalah seperti dalam **Carta 2.13** dan prestasi perbelanjaan pembangunan bagi 10 kementerian tertinggi adalah seperti dalam **Carta 2.14**.

JADUAL 2.26
PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
Peruntukan				
Anggaran Asal	77,600.00	71,000.00	6,600.00	9.3
(+) Pendahuluan daripada Simpanan Luar Jangka	284.00	-	284.00	100.0
(-) Waran Penyekatan Peruntukan	(9,380.69)	(10,105.74)	(725.05)	(7.2)
PERUNTUKAN MUKTAMAD	68,503.31	60,894.26	7,609.05	12.5
Perbelanjaan Sebenar	71,573.96	64,256.66	7,317.30	11.4
Peratus Perbelanjaan	104.5%	105.5%		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022 dan 2021


CARTA 2.12
TREND PERBELANJAAN PEMBANGUNAN MENGIKUT SUKUAN TAHUN 2022



Sumber: Data iGFMAS


Nota: *Suku 4 merujuk perbelanjaan yang dikenakan bermula bulan Oktober 2022 sehingga tempoh Akaun Kena Bayar, iaitu bulan Januari 2022

**CARTA 2.13
TREND PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2022**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 hingga 2022

**CARTA 2.14
PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
BAGI 10 KEMENTERIAN TERTINGGI TAHUN 2022 BERBANDING 2021**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

- iii. **Sejumlah RM6.068 bilion atau 8.5% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan yang berjumlah RM71.574 bilion adalah perbelanjaan yang dikenakan dalam tempoh Akaun Kena Bayar.** Perbelanjaan ini adalah di peringkat Kementerian Kewangan dan melibatkan penyaluran peruntukan kepada syarikat DanaInfra Nasional Berhad, Prasarana Malaysia Berhad serta Urusharta Jamaah Sdn. Bhd.

Penyaluran ini adalah bagi membantu syarikat untuk melunaskan pinjaman matang bagi tahun 2022 dan 2023.

Maklum balas Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan (GIC), Kementerian Kewangan yang diterima pada 3 Ogos 2023

Keperluan peruntukan dari Kerajaan bagi syarikat Prasarana Malaysia Berhad, DanaInfra Nasional Berhad, dan Urusharta Jamaah Sdn. Bhd. adalah berdasarkan komitmen hutang yang perlu dilunaskan oleh syarikat, iaitu bayaran khidmat hutang untuk projek mega infrastruktur pengangkutan dan penebusan sukuk. Bayaran khidmat hutang ini adalah berdasarkan ketetapan jadual yang dikemukakan oleh pihak syarikat mengambil kira kerja/projek/kewangan yang telah diberikan/diselesaikan.

Pernyataan Audit | **Penyaluran peruntukan kepada syarikat adalah pemberian daripada Kementerian Kewangan mengikut kemampuan kewangan semasa bagi memastikan tidak berlaku kemungkiran bayaran balik pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan. Sehubungan itu, amaun pemberian ini tidak terikat dengan amaun hutang atau faedah hutang matang yang ditanggung oleh syarikat.**

- iv. Peruntukan pembangunan tahun 2022 melibatkan pembiayaan bagi 654 kod projek. **Kod projek P1009000 - Pelbagai Suntikan Modal di bawah Kementerian Kewangan merekodkan perbelanjaan pembangunan tertinggi berjumlah RM19.579 bilion atau 27.4% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan tahun 2022.**
- v. Termasuk dalam perbelanjaan di bawah kod projek P1009000 adalah bayaran pelunasan komitmen jaminan berjumlah RM17.086 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM7.439 bilion atau 77.1% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM9.647 bilion. Peningkatan ketara melibatkan penyaluran peruntukan kepada syarikat DanaInfra Nasional Berhad sebanyak RM6.856 bilion (2021: RM3.718 bilion), Prasarana Malaysia Berhad sebanyak RM4.652 bilion (2021: RM1.221 bilion) dan 1Malaysia Development Berhad sebanyak RM1.530 bilion (RM0.459 bilion). Selain itu, pelunasan komitmen jaminan syarikat Turus Pesawat telah dikenakan kepada vot pembangunan sebanyak RM0.718 bilion berbanding tahun sebelumnya yang dikenakan kepada vot mengurus.

- vi. Pada masa yang sama, termasuk dalam kod projek P1009000 juga adalah pelunasan Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta (Liabiliti PFI) sebanyak RM2.493 bilion, iaitu berkurangan sebanyak RM0.472 bilion atau 15.9% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM2.965 bilion.
- vii. Perbelanjaan pembangunan bagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar adalah berjumlah RM6.920 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM1.615 bilion atau 30.4% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM5.305 bilion. Peningkatan ketara melibatkan projek Jalan-jalan Luar Bandar yang berjumlah RM1.195 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM598.79 juta atau 100.5% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM596.10 juta. Di bawah projek ini, sebanyak 87 kod projek baharu dilaksanakan dengan perbelanjaan berjumlah RM249.03 juta selain daripada perbelanjaan bagi projek-projek sedia ada. Pada masa yang sama, perbelanjaan program Dana Latihan Pendidikan, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan projek Jalan Perhubungan Desa juga merekodkan peningkatan perbelanjaan sebanyak RM0.661 bilion kepada RM3.092 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM2.431 bilion.
- viii. Kementerian Kesihatan merekodkan pengurangan perbelanjaan pembangunan sejumlah RM4.261 bilion atau 49.6% kepada RM4.337 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM8.598 bilion. Penurunan ketara ini disebabkan pengelasan semula perbelanjaan yang diambil kira sebagai perbelanjaan pembangunan pada tahun 2021 kepada perbelanjaan mengurus pada tahun 2022 melibatkan program Bekalan Perubatan Fasiliti Kesihatan (2021: RM2.856 bilion), Konsesi Penswastaan Makmal Ubat dan Stor (2021: RM1.421 bilion) dan Perkhidmatan Sokongan Hospital (2021: RM89.19 juta). Selain itu, terdapat penurunan perbelanjaan bagi projek Naik taraf Peralatan Perubatan dan Bukan Perubatan Serta Kenderaan sebanyak RM302.76 juta atau 57.6% kepada RM222.48 juta berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM525.24 juta.
- ix. Pada tahun 2022, sebanyak lapan projek yang dikelaskan kepada vot pembangunan pada tahun 2021, telah dipindahkan semula kepada vot mengurus. Perbelanjaan tertinggi melibatkan projek di bawah Kementerian Kesihatan, iaitu projek Perubatan Fasiliti Kesihatan dan Konsesi Penswastaan Makmal Ubat dan Stor, dengan amaun perbelanjaan yang dikenakan kepada vot mengurus tahun 2022 sebanyak RM5.055 bilion.

- x. Sebanyak 30 projek yang dikelaskan perbelanjaannya kepada vot pembangunan daripada vot mengurus pada tahun 2021 telah diteruskan keaun perbelanjaannya kepada vot pembangunan pada tahun 2022. Amaun keseluruhan perbelanjaan bagi 30 projek pembangunan berkenaan adalah berjumlah RM4.319 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM0.176 bilion atau 4.2% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM4.143 bilion. Senarai projek pembangunan berkenaan adalah seperti dalam **Jadual 2.27**.

JADUAL 2.27
SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN YANG DITERUSKAN
KENAAN PERBELANJAAN KEPADA VOT PEMBANGUNAN TAHUN 2022

BIL.	PERIHAL PROJEK	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan					
1.	Konsesi Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)	1,320.32	1,339.12	(18.80)	(1.4)
2.	Fasiliti Sisa Pepejal (SWCorp)	92.00	57.50	34.50	60.0
Jumlah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan		1,412.32	1,396.62	15.70	1.1
Jabatan Perdana Menteri					
3.	Biasiswa dan Pinjaman Pelajaran Jabatan Perkhidmatan Awam	832.69	848.23	(15.54)	(1.8)
Jumlah Jabatan Perdana Menteri		832.69	848.23	(15.54)	(1.8)
Kementerian Pendidikan					
4.	Biasiswa Kecil Persekutuan	142.22	104.23	37.99	36.4
5.	Biasiswa Pelatih Perguruan	109.39	91.16	18.23	20.0
6.	Pembangunan Aset ICT	74.82	59.94	14.88	24.8
7.	Biasiswa Perguruan Persekutuan	69.64	59.74	9.90	16.6
8.	Biasiswa Pelajar Matrikulasi	66.05	71.38	(5.33)	(7.5)
9.	Perolehan Aset Institusi Pendidikan	48.88	43.53	5.35	12.3
10.	Pembangunan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran - Saluran DidikTV	43.69	59.76	(16.07)	(26.9)
11.	Konsesi Penyelenggaraan Kompleks E	20.00	20.00	-	-
12.	Skim Biasiswa Sukan	2.00	2.52	(0.52)	(20.6)
Jumlah Kementerian Pendidikan		576.69	512.26	64.43	12.6
Kementerian Kerja Raya					
13.	Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia	306.21	305.68	0.53	0.2
14.	Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Sabah, Sarawak dan Labuan	78.70	78.02	0.68	0.9
15.	Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia (Bukan Pavemen)	30.00	30.00	-	-
16.	Penyelenggaraan Kuarters Milik Kementerian Kerja Raya	10.21	9.37	0.84	9.0

BIL.	PERIHAL PROJEK	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
17.	Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Sabah, Sarawak dan Labuan (Bukan Pavemen)	10.02	9.61	0.41	4.3
Jumlah Kementerian Kerja Raya		435.14	432.68	2.46	0.6
Kementerian Pengangkutan					
18.	Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (SBST)	70.85	47.91	22.94	47.9
19.	Program Dana Sokongan Sementara Bas Berhenti-henti	66.48	75.47	(8.99)	(11.9)
20.	Penyelenggaraan, Pembaikan, Baik Pulih Keretapi Tanah Melayu Berhad	60.35	58.99	1.36	2.3
21.	Penyelenggaraan Sistem Kerangka Utama	32.71	30.63	2.08	6.8
22.	Penyelenggaraan Sistem AWAS	21.11	17.63	3.48	19.7
Jumlah Kementerian Pengangkutan		251.50	230.63	20.87	9.0
Kementerian Dalam Negeri					
23.	Konsesi Sewaan Kenderaan Jabatan	198.50	190.15	8.35	4.4
24.	PDRMNet	160.23	121.13	39.10	32.3
25.	Penyelenggaraan Bangunan	32.77	17.30	15.47	89.4
Jumlah Kementerian Dalam Negeri		391.50	328.58	62.92	19.1
Kementerian Pertahanan					
26.	Rumah Masak Angkatan Tentera Malaysia	201.34	169.88	31.46	18.5
27.	Senggaraan dan Alat Ganti Aset Tentera Darat	105.70	109.58	(3.88)	(3.5)
Jumlah Kementerian Pertahanan		307.04	279.46	27.58	9.9
Kementerian Komunikasi dan Multimedia					
28.	Projek Pendigitalan Penyiaran Nasional	81.37	84.78	(3.41)	(4.0)
29.	Media City	10.53	9.46	1.07	11.3
Jumlah Kementerian Komunikasi dan Multimedia		91.90	94.24	(2.34)	(2.5)
Kementerian Wilayah Persekutuan					
30.	Konsesi Sisa Pepejal di Tapak Pelupusan Sampah Sanitari Bukit Tagar, Selangor	20.00	20.00	-	-
Jumlah Kementerian Wilayah Persekutuan		20.00	20.00	-	-
JUMLAH KESELURUHAN		4,318.78	4,142.70	176.08	4.3

Sumber: Laporan Prestasi Perbelanjaan Pembangunan dan Laporan Prestasi Belanjawan Perbelanjaan Mengurus

- xi. Pada masa yang sama, sebanyak lapan projek yang dikenakan kepada vot mengurus pada tahun 2021 telah dikelaskan kenaannya kepada vot pembangunan pada tahun 2022. Amaun perbelanjaan yang dikenakan kepada vot pembangunan adalah berjumlah RM0.953 bilion. Senarai perbelanjaan vot mengurus tahun 2021 yang dikelaskan kepada vot pembangunan pada tahun 2022 adalah seperti dalam **Jadual 2.28**.

JADUAL 2.28
SENARAI PERBELANJAAN VOT MENGURUS TAHUN 2021
YANG DIKENAKAN KEPADA VOT PEMBANGUNAN TAHUN 2022

BIL.	PERIHAL PROJEK	AMAUN (RM Juta)
Kementerian Kewangan		
1.	Turus Pesawat Sdn. Bhd.	718.40
Jumlah Kementerian Kewangan		718.40
Kementerian Komunikasi dan Multimedia		
2.	Malaysian Emergency Response Services 999	88.83
Jumlah Kementerian Komunikasi dan Multimedia		88.83
Kementerian Alam Sekitar dan Air		
3.	Perolehan Peralatan Pejabat dan Kelengkapan Operasi – Jabatan Pengairan dan Saliran	50.11
4.	Perolehan Peralatan Pejabat dan Kelengkapan Operasi – Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia	1.37
5.	Perolehan Peralatan Pejabat dan Kelengkapan Operasi – Jabatan Meteorologi Malaysia	0.80
Jumlah Kementerian Alam Sekitar dan Air		52.28
Jabatan Perdana Menteri		
6.	Penyelenggaraan, Pembaharuan Lesen ICT Serta Khidmat Sokongan Teknikal Bagi Peralatan ICT di Pusat Data Sektor Awam	41.70
Jumlah Jabatan Perdana Menteri		41.70
Kementerian Pengajian Tinggi		
7.	Malaysian Research and Education Network (MYREN)	37.02
Jumlah Kementerian Pengajian Tinggi		37.02
Kementerian Pengangkutan		
8.	Feri Pulau Pinang	15.00
Jumlah Kementerian Pengangkutan		15.00
JUMLAH KESELURUHAN		953.23

Sumber: Laporan Prestasi Perbelanjaan Pembangunan

7.1.2. Kumpulan Wang Covid-19

- a. Subseksyen 4(1), Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus (Covid-19)) 2020 [*Akta 830*] memperuntukkan penubuhan Kumpulan Wang Covid-19 berkuat kuasa pada 27 Oktober 2020 dan dimasukkan ke dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*].
- b. Kumpulan Wang Covid-19 (KWC) ditubuhkan untuk memperakaunkan wang yang diperdapat di bawah subseksyen 3(1), Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [*Akta 637*] dan mana-mana yang diterima di bawah subseksyen 3(1), Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [*Akta 275*]. Wang tersebut digunakan bagi perbelanjaan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi di bawah subseksyen 5(1), Akta 830. Had pembiayaan yang diluluskan adalah sebanyak RM110 bilion sehingga 31 Disember 2022.

- c. KWC menerima peruntukan daripada Akaun Pinjaman Disatukan berjumlah RM30.880 bilion, iaitu berkurangan sebanyak RM7.120 bilion atau 18.7% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM38 bilion. Sebanyak RM30.979 bilion telah dibelanjakan dan berbaki sebanyak RM0.212 bilion. Kedudukan KWC pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.29**.

JADUAL 2.29
KEDUDUKAN KWC PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
Baki 1 Januari	291.76	0.76	291.00	38,289.5
Terimaan:				
Pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan	30,880.00	38,000.00	(7,120.00)	(18.7)
Pelbagai Terimaan	19.28	2.02	17.26	854.5
Jumlah Terimaan	30,899.28	38,002.02	(7,102.74)	(18.7)
Bayaran:				
Perbelanjaan Covid-19	30,979.11	37,711.02	(6,731.91)	(17.9)
Jumlah Bayaran	30,979.11	37,711.02	(6,731.91)	(17.9)
Lebihan/(Kurangan)	(79.83)	291.00	(370.83)	(127.4)
Baki Pada 31 Disember	211.93	291.76	(79.83)	(27.4)

Sumber: Nota 7(a)(ii) Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

d. Prestasi Perbelanjaan Kumpulan Wang Covid-19

- i. Perbelanjaan terkumpul KWC sehingga akhir tahun 2022 adalah sebanyak RM106.709 bilion atau 97% berbanding had siling perbelanjaan yang berjumlah RM110 bilion. Perbelanjaan ini bagi membiayai 29 program rangsangan dan pemulihan ekonomi. Senarai perbelanjaan terkumpul mengikut program sehingga akhir tahun 2022 adalah seperti dalam **Jadual 2.30**, manakala trend perbelanjaan KWC bagi tempoh tiga tahun penubuhannya adalah seperti dalam **Carta 2.15**.


JADUAL 2.30
PERINCIAN PERBELANJAAN TERKUMPUL KWC SEHINGGA AKHIR TAHUN 2022

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	HAD SILING	PERBELANJAAN TERKUMPUL	
		RM JUTA	RM JUTA	%
1.	Bantuan Prihatin Nasional	40,060.00	39,960.45	99.8
2.	Program Subsidi Upah, Insentif Pengkalan Pekerja dan Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan	24,275.00	24,256.02	99.9
3.	Sokongan Bantuan Sosial untuk Golongan Mudah Terjejas	12,795.00	11,950.59	93.4
4.	Diskaun Bil Elektrik	6,590.00	6,543.42	99.3
5.	Projek Berskala Kecil	6,200.00	6,009.99	96.9
6.	Peruntukan bagi Perbelanjaan Berkaitan Covid-19	6,110.00	5,324.98	87.2

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	HAD SILING	PERBELANJAAN TERKUMPUL	
		RM JUTA	RM JUTA	%
7.	Geran PRIHATIN Perusahaan Kecil dan Sederhana	6,000.00	5,991.17	99.9
8.	Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran	1,500.00	1,228.67	81.9
9.	Pinjaman Mikro kredit	1,410.00	1,281.04	90.9
10.	e-PENJANA	820.90	714.00	87.0
11.	Program-program Lain	4,239.10	3,449.05	81.4
JUMLAH KESELURUHAN		110,000.00	106,709.38	97.0

Sumber: Lampiran 3, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

CARTA 2.15
TREND PERBELANJAAN KWC BAGI TEMPOH TAHUN 2020 HINGGA 2022



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020 hingga 2022

- ii. Pada tahun 2022, perbelanjaan KWC adalah berjumlah RM30.979 bilion, iaitu berkurangan sejumlah RM6.732 bilion atau 17.9% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM37.711 bilion. Senarai perbelanjaan mengikut program pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.31**.

JADUAL 2.31
SENARAI PERBELANJAAN KUMPULAN WANG COVID-19
MENGIKUT PROGRAM PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	PERBELANJAAN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Sokongan Bantuan Sosial untuk Golongan Mudah Terjejas	9,042.83	2,810.83	6,232.00	221.7
2.	Bantuan Prihatin Nasional	7,910.45	15,892.99	(7,982.54)	(50.2)
3.	Diskaun Bil Elektrik	5,876.40	489.50	5,386.90	1,100.5
4.	Program Subsidi Upah, Insentif Pengekalan Pekerjaan dan Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan	2,323.15	8,972.87	(6,649.72)	(74.1)
5.	Peruntukan bagi Perbelanjaan Berkaitan Covid-19	1,847.83	2,685.99	(838.16)	(31.2)

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	PERBELANJAAN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
6.	Projek Berskala Kecil	1,686.39	1,413.61	272.78	19.3
7.	Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran	609.11	281.94	327.17	116.0
8.	Pinjaman Mikro kredit	497.51	283.53	213.98	75.5
9.	Geran Automasi Pintar	295.68	98.00	197.68	201.7
10.	Kempen e-Dagang bagi PKS dan Perusahaan Mikro	218.80	14.04	204.76	1,458.4
11.	Program-program Lain	670.97	4,767.72	(4,096.75)	(85.9)
JUMLAH		30,979.12	37,711.02	(6,731.90)	(17.9)

Sumber: Data iGFMAS

e. Program Sokongan Bantuan Sosial untuk Golongan Mudah Terjejas

- i. Program Sokongan Bantuan Sosial untuk Golongan Mudah Terjejas merekodkan peningkatan perbelanjaan yang ketara sebanyak RM6.232 bilion atau 221.7% kepada RM9.043 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM2.811 bilion. Peningkatan perbelanjaan ini adalah untuk membiayai subsidi produk petroleum bagi tuntutan bulan November dan Disember 2022 yang berjumlah RM6.284 bilion. Bagi tuntutan bulan Januari hingga Oktober 2022 dan tahun sebelumnya, perbelanjaan subsidi produk petroleum dikenakan kepada vot perbelanjaan mengurus Kementerian Kewangan. Perincian perbelanjaan subsidi produk petroleum yang dikenakan kepada KWC untuk tahun 2022 adalah seperti dalam **Jadual 2.32**.

JADUAL 2.32
PERBELANJAAN SUBSIDI PRODUK PETROLEUM
YANG DIKENAKAN KEPADA KWC PADA TAHUN 2022

BIL.	PRODUK PETROLEUM	BULAN TUNTUTAN		JUMLAH (RM Juta)
		NOVEMBER 2022 (RM Juta)	DISEMBER 2022 (RM Juta)	
1.	RON 95	1,634.70	1,121.44	2,756.14
2.	Diesel	1,665.96	1,308.20	2,974.16
3.	LPG	266.77	287.41	554.18
JUMLAH		3,567.43	2,717.05	6,284.48

Sumber: Data iGFMAS

- ii. Termasuk dalam perbelanjaan Program Sokongan Bantuan Sosial Untuk Golongan Mudah Terjejas juga adalah Inisiatif Peranti Siswa sebanyak RM0.450 bilion, Bantuan Kepada Mangsa Banjir sebanyak RM0.304 bilion, Baucar Perlindungan Tenang sebanyak RM0.251 bilion dan Bantuan Awal Persekolahan sebanyak RM0.141 bilion.

f. Program Diskaun Bil Elektrik

- i. Perbelanjaan bagi program Diskaun Bil Elektrik telah meningkat sejumlah RM5.387 bilion atau 1,101.6% kepada RM5.876 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM0.489 bilion. Peningkatan ini disebabkan inisiatif Kerajaan untuk mengekalkan kadar Ketidakseimbangan Pelepasan Kos Bahan Api atau Imbalance Cost Pass-Through (ICPT) kepada semua pelanggan Tenaga Nasional Berhad di Semenanjung Malaysia berjumlah RM5.418 bilion. Pemberian subsidi ini adalah bagi tempoh penggunaan 1 Januari 2022 hingga 30 Jun 2022.
- ii. Perbelanjaan lain di bawah program Diskaun Bil Elektrik adalah pembayaran subsidi bil elektrik untuk penggunaan bulan Julai hingga Disember 2021 yang berjumlah RM0.459 bilion bagi pengguna di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Inisiatif ini melibatkan pemberian diskaun 10% ke atas jumlah penggunaan elektrik bulanan bagi sektor-sektor ekonomi yang terjejas serta pemberian diskaun bil elektrik sehingga 40% kepada pengguna kediaman.

g. Program Bantuan Prihatin Nasional

- i. Perbelanjaan program Bantuan Prihatin Nasional berkurangan sebanyak RM7.983 bilion atau 50.2% kepada RM7.910 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM15.893 bilion. Pengurangan perbelanjaan antaranya disebabkan penamatan program Bantuan Khas Covid-19 pada bulan Mac 2022 dan pengemaskinian kriteria penerima bantuan serta kadar bantuan bagi tahun 2022.
- ii. Pada tahun 2022, program pemberian bantuan tunai ini dinamakan sebagai Bantuan Keluarga Malaysia. Pemberian tunai melibatkan kategori isi rumah, iaitu berpendapatan RM2,500 ke bawah dan berpendapatan RM2,501 hingga RM5,000. Selain itu, pemberian juga melibatkan kategori warga emas sebatang kara berpendapatan RM5,000 ke bawah dan kategori bujang berpendapatan RM2,500 ke bawah. Kadar agihan bantuan tunai adalah antara RM400 hingga RM2,600 bagi setiap penerima.

h. Program Subsidi Upah

Perbelanjaan Program Subsidi Upah (PSU) berkurangan sebanyak RM6.650 bilion atau 74.1% kepada RM2.323 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM8.973 bilion. Inisiatif PSU 1.0 bermula pada bulan April 2020 hingga PSU 4.0 yang tamat pada

bulan Oktober 2021. Pada tahun 2022, inisiatif PSU 5.0 diperkenalkan sehingga bulan Mac 2022. PSU 5.0 adalah Program Sistem Insurans Pekerjaan Subsidi Upah Bersasar yang bertujuan membantu majikan terkesan dapat meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan dan punca pendapatan. Program ini terhad kepada 500 orang pekerja bagi setiap permohonan.

i. Program Peruntukan bagi Perbelanjaan Berkaitan Covid-19

- i. Peruntukan bagi Perbelanjaan Berkaitan Covid-19 adalah berjumlah RM1.848 bilion, iaitu berkurangan sejumlah RM0.838 bilion atau 31.2% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM2.686 bilion. Perbelanjaan ini melibatkan pelbagai kementerian dan agensi seperti dalam **Jadual 2.33**.

JADUAL 2.33
PERUNTUKAN BAGI PROGRAM PERBELANJAAN
BERKAITAN COVID-19 PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN SUB-PROGRAM	PERBELANJAAN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Peruntukan kepada Kementerian Kesihatan bagi Perbelanjaan Berkaitan Covid-19	1,166.52	1,427.16	(260.64)	(18.3)
2.	Peruntukan bagi perbelanjaan berkaitan Covid-19 - Agensi Pengurusan Bencana Negara	292.66	328.41	(35.75)	(10.9)
3.	Peruntukan bagi perbelanjaan berkaitan Covid-19 - MySejahtera	135.39	-	135.39	100.0
4.	Peruntukan bagi perbelanjaan berkaitan Covid-19 - Hospital Pengajar Universiti	100.00	130.00	(30.00)	(23.1)
5.	Peruntukan bagi perbelanjaan berkaitan Covid-19 - Hospital Angkatan Tentera Malaysia	83.33	20.00	63.33	316.7
6.	Peruntukan bagi perbelanjaan berkaitan Covid-19 - Kit ujian pengesan sendiri Covid-19 bagi murid di Kementerian Pendidikan	59.07	-	59.07	100.0
7.	Peruntukan bagi perbelanjaan berkaitan Covid-19 - Sukuk Prihatin Penyelidikan Penyakit Berjangkit	7.20	-	7.20	100.0
8.	Peruntukan bagi perbelanjaan berkaitan Covid-19 - Vaksin Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	2.49	177.54	(175.05)	(98.6)
9.	Peruntukan bagi perbelanjaan berkaitan Covid-19 - Vaksin Kementerian Kesihatan	1.17	602.89	(601.72)	(99.8)
JUMLAH		1,847.83	2,686.00	(838.17)	(31.2)

Sumber: Data iGFMAS

- ii. Perbelanjaan tertinggi adalah penyaluran peruntukan kepada Kementerian Kesihatan sejumlah RM1.167 bilion. Antara perbelanjaan yang terlibat adalah perolehan Pakej Penjagaan Covid-19 sebanyak RM0.432 bilion yang diberikan secara percuma kepada isi rumah B40 seluruh negara. Selain itu, pembelian ubat-ubatan serta bekalan reagen berjumlah RM0.261 bilion juga termasuk dalam perbelanjaan berkaitan Covid-19.

- iii. Pada tahun 2022, terdapat penambahan tiga sub-program baharu, iaitu peruntukan bagi perolehan MySejahtera berjumlah RM135.39 juta, perolehan kit ujian pengesan sendiri Covid-19 bagi murid di Kementerian Pendidikan berjumlah RM59.07 juta dan Sukuk Prihatin Penyelidikan Penyakit Berjangkit berjumlah RM7.20 juta.

7.1.3. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

- a. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*]. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan adalah berjumlah RM62.567 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM19.848 bilion atau 46.5% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM42.719 bilion. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.34**.

JADUAL 2.34
KEDUDUKAN PELBAGAI KUMPULAN WANG
AMANAH KERAJAAN PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	KATEGORI AKAUN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Akaun Penyelesaian	29,732.52	17,584.18	12,148.34	69.1
2.	Akaun Perniagaan	150.04	155.55	(5.51)	(3.5)
3.	Akaun Pinjaman	3,983.15	3,685.70	297.45	8.1
4.	Kumpulan Wang Luar Jangka	823.08	1,500.00	(676.92)	(45.1)
5.	Pelbagai Kumpulan Wang	27,878.40	19,793.87	8,084.53	40.8
JUMLAH		62,567.19	42,719.30	19,847.89	46.5

Sumber: Nota 7(a)(iii), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

- b. Peningkatan ketara melibatkan Akaun Penyelesaian yang berbaki RM29.732 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM12.148 bilion atau 69.1% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM17.584 bilion. Peningkatan ini disebabkan oleh kenaikan perbelanjaan dalam tempoh Akaun Kena Bayar berjumlah RM18.468 bilion, iaitu lebih tinggi sebanyak RM11.848 bilion atau 179% berbanding tahun 2021 sebanyak RM6.620 bilion.
- c. Selain itu, Pelbagai Kumpulan Wang turut merekodkan peningkatan sebanyak RM8.084 bilion atau 40.8% kepada RM27.878 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM19.794 bilion. Peningkatan ini melibatkan Kumpulan Wang Amanah Tabung Bayaran Balik Cukai yang berbaki RM10.186 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM8.005 bilion atau 367% berbanding tahun 2021 yang berjumlah

RM2.181 bilion. Sebanyak RM10 bilion telah diperuntukkan melalui pelarasan Akaun Hasil Disatukan dalam tempoh Akaun Kena Bayar.

7.2. Kumpulan Wang Amanah Awam

7.2.1. Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] untuk mengakaunkan sumbangan wang daripada badan dan orang perseorangan kepada Kerajaan bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang berkenaan. Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada Akaun Amanah Am dan Akaun Amanah Khas.

7.2.2. **Kumpulan Wang Amanah Am berkurangan dengan ketara sejumlah RM14.283 bilion atau 72.7% kepada RM5.350 bilion** manakala Kumpulan Wang Amanah Khas pula meningkat sejumlah RM0.061 bilion atau 1.8% kepada RM3.499 bilion. **Pengurangan utama Kumpulan Wang Amanah Am melibatkan Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset yang berkurangan sejumlah RM13.353 bilion atau 87.4% kepada RM1.927 bilion bagi tujuan pelunasan hutang (prinsipal dan faedah) syarikat 1Malaysia Development Berhad yang matang.** Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Awam pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.35**.

**JADUAL 2.35
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG
AMANAH AWAM PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Amanah Am	5,350.45	19,633.28	(14,282.83)	(72.7)
2.	Amanah Khas	3,499.07	3,438.57	60.5	1.8
JUMLAH		8,849.52	23,071.85	(14,222.33)	(61.6)

Sumber: Nota 7(b), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

7.2.3. Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset

a. Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset (AAMKA) ditubuhkan pada 14 Disember 2018 di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*]. Akaun Amanah ini ditubuhkan untuk mengakaunkan terimaan dana daripada aktiviti mendapatkan kembali aset berkaitan syarikat 1MDB dan SRC International Sdn. Bhd. dari dalam atau luar negara, keuntungan daripada pertukaran mata wang, serta faedah dan dividen dari pelaburan simpanan tetap. Wang daripada

akaun amanah ini antaranya digunakan untuk membayar hutang syarikat 1MDB, menampung kos operasi syarikat dan akaun amanah, serta pelaburan simpanan tetap. Akaun Amanah ini berbaki RM1.927 bilion, iaitu berkurangan sebanyak RM13.354 bilion atau 87.4% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM15.281 bilion.

- b. Keseluruhan terimaan AAMKA direkodkan berjumlah RM1.471 bilion. Terimaan utama antaranya adalah hasil penyelesaian global yang dimeterai dengan Firma Audit KPMG berjumlah RM0.341 bilion, syarikat Ambank Berhad berjumlah RM0.515 bilion dan Goldman Sachs Incorporation berjumlah RM0.264 bilion.
- c. Dana AAMKA sebanyak RM15.535 bilion telah digunakan untuk pelunasan komitmen bayaran prinsipal dan faedah pinjaman matang tahun 2022 yang dijamin oleh Kerajaan. Terimaan faedah pelaburan simpanan tetap pada tahun 2022 adalah berjumlah RM265.30 juta.

7.3. Akaun Deposit

7.3.1. Deposit merupakan wang yang diterima oleh Kerajaan khusus bagi sesuatu maksud yang ditetapkan di bawah undang-undang atau perjanjian. Deposit hendaklah dikembalikan melalui bayaran balik atau pelarasan apabila mencapai maksud yang ditetapkan. Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am adalah wang yang diterima untuk maksud tertentu seperti Wang Tak Dituntut, Wang Jaminan Pelaksanaan, Deposit Mahkamah Tinggi dan Deposit Imigresen. Deposit Pelarasan pula adalah akaun sementara yang digunakan sebelum bayaran atau pelarasan dibuat kepada akaun tertentu.

7.3.2. Deposit Am yang dipegang oleh Kerajaan adalah berjumlah RM11.966 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM0.130 bilion atau 1.1% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM11.836 bilion. Deposit Pelarasan pula adalah berbaki sejumlah RM149.41 juta, iaitu bertambah sebanyak RM19.67 juta atau 15.2% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM129.74 juta. Baki keseluruhan 88 Akaun Deposit adalah berjumlah RM12.115 bilion dengan peningkatan sejumlah RM0.149 bilion atau 1.2% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM11.966 bilion. Kedudukan Akaun Deposit pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.36**.

JADUAL 2.36
KEDUDUKAN AKAUN DEPOSIT PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN	BIL. AKAUN	TAHUN		PERUBAHAN	
			2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
Deposit Am						
1.	Deposit Kawalan Wang Tak Dituntut	1	7,733.24	7,476.48	256.76	3.4
2.	Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	1	1,661.46	1,802.43	(140.97)	(7.8)
3.	Deposit Mahkamah Tinggi	1	1,219.85	1,225.62	(5.77)	(0.5)
4.	Deposit Imigresen	1	413.65	391.90	21.75	5.5
5.	Deposit Cagaran	1	248.26	224.70	23.56	10.5
6.	Pelbagai Deposit Am	66	689.29	715.29	(26.00)	(3.6)
Jumlah Deposit Am		71	11,965.75	11,836.42	129.33	1.1
Deposit Pelarasan						
7.	Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan	1	89.09	46.10	42.99	93.3
8.	Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal	1	54.30	62.08	(7.78)	(12.5)
9.	Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal - JHEV	1	3.61	4.56	(0.95)	(20.8)
10.	Deposit Pelarasan Cek Terbatal	1	0.91	1.61	(0.70)	(43.5)
11.	Deposit Pelarasan Commerce Dot Com Sdn. Bhd. (CDCSB)	1	0.34	2.10	(1.76)	(83.8)
12.	Pelbagai Deposit Pelarasan	12	1.16	13.29	(12.13)	(91.3)
Jumlah Deposit Pelarasan		17	149.41	129.74	19.67	15.2
JUMLAH KESELURUHAN		88	12,115.16	11,966.16	149.00	1.2

Sumber: Nota 7(c), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

7.3.3. Akaun Deposit Kawalan Wang Tak Dituntut

Akaun Deposit Kawalan Wang Tak Dituntut (WTD) adalah berjumlah RM7.733 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM0.257 bilion atau 3.4% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM7.476 bilion. Terimaan deposit WTD adalah sejumlah RM1.220 bilion, manakala pemulangan dan pelarasan deposit adalah sebanyak RM0.471 bilion. Selain itu, sebanyak RM0.492 bilion amaun deposit WTD telah dilaraskan ke Akaun Hasil Disatukan. Transaksi ini melibatkan deposit WTD yang telah diwartakan dan dipegang sehingga tempoh 15 tahun tanpa sebarang tuntutan daripada pendeposit.

7.3.4. Akaun Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan

Akaun Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) adalah berjumlah RM1.661 bilion, iaitu berkurangan sebanyak RM0.141 bilion atau 7.8% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM1.802 bilion. Penurunan ketara deposit WJP melibatkan Kementerian

Kerja Raya sejumlah RM77.26 juta serta Kementerian Alam Sekitar dan Air sejumlah RM43.44 juta berikutan pulangan balik deposit WJP kepada kontraktor.

8. AKAUN MEMORANDUM

8.1. Penyata Akaun Memorandum melaporkan aset kewangan dan liabiliti Kerajaan Persekutuan yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset melaporkan kedudukan Akaun Belum Terima dan Pelaburan, manakala Penyata Akaun Memorandum Liabiliti melaporkan kedudukan Liabiliti Persekutuan.

8.2. Kedudukan Aset Kewangan Persekutuan adalah berjumlah RM139.554 bilion, manakala kedudukan Liabiliti Persekutuan adalah lebih tinggi, iaitu berjumlah RM1.399 trilion. Kedudukan Aset Kewangan Persekutuan dan Liabiliti Persekutuan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.37**.

JADUAL 2.37
KEDUDUKAN ASET KEWANGAN PERSEKUTUAN
DAN LIABILITI PERSEKUTUAN PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Bilion)	2021 (RM Bilion)	RM BILION	%
MEMORANDUM ASET					
1.	Akaun Belum Terima	105.524	113.045	(7.521)	(6.7)
2.	Pelaburan	34.030	33.862	0.168	0.5
JUMLAH ASET		139.554	146.907	(7.353)	(5.0)
MEMORANDUM LIABILITI					
3.	Hutang Persekutuan	1,079.591	979.814	99.777	10.2
4.	Liabiliti PFI	34.492	35.575	(1.083)	(3.0)
5.	Komitmen Kewangan	284.924	289.506	(4.582)	(1.6)
6.	Pelbagai Liabiliti	0.155	0.151	0.004	2.6
JUMLAH LIABILITI		1,399.162	1,305.046	94.116	7.2

Sumber: Nota 9 dan 10, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

8.3. Memorandum Aset

Aset Kewangan Persekutuan yang terdiri daripada Akaun Belum Terima dan Pelaburan adalah berjumlah RM139.554 bilion. Kedudukan Aset Kewangan Persekutuan berkurangan sebanyak RM7.353 bilion atau 5% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM146.907 bilion.

8.3.1. Akaun Belum Terima

Akaun Belum Terima (ABT) adalah sejumlah amaun yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan pada sesuatu masa tetapi masih belum diterima yang wujud daripada peristiwa lampau berasaskan bil atau melalui dasar, perjanjian atau keputusan Kerajaan yang berkuat kuasa. ABT terdiri daripada Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut serta Pelbagai ABT. Secara keseluruhannya, kedudukan ABT pada tahun 2022 adalah berjumlah RM105.524 bilion, iaitu berkurangan sejumlah RM7.521 bilion atau 6.7% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM113.045 bilion. Kedudukan ABT pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.38**.

JADUAL 2.38
KEDUDUKAN ABT PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Bilion)	2021 (RM Bilion)	RM BILION	%
1.	Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut	53.917	57.846	(3.929)	(6.8)
2.	Pelbagai ABT	51.607	55.199	(3.592)	(6.5)
JUMLAH		105.524	113.045	(7.521)	(6.7)

Sumber: Nota 9, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

a. Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut

- i. Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut merupakan pinjaman dan pendahuluan yang diberikan kepada kerajaan negeri, syarikat, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, koperasi, pelbagai agensi dan perseorangan. Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut adalah berjumlah RM53.917 bilion, iaitu berkurangan sejumlah RM3.929 bilion atau 6.8% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM57.846 bilion. Kedudukan pinjaman dan pendahuluan boleh dituntut mengikut kategori peminjam pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.39**, kedudukan baki pinjaman mengikut sumber pembiayaan adalah seperti dalam **Jadual 2.40** dan ringkasan transaksi pinjaman dan pendahuluan boleh dituntut tahun 2022 adalah seperti dalam **Jadual 2.41**.

JADUAL 2.39
KEDUDUKAN PINJAMAN DAN PENDAHULUAN
BOLEH DITUNTUT PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021

BIL.	KATEGORI PEMINJAM	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Syarikat	33,248.61	34,613.17	(1,364.56)	(3.9)
2.	Kerajaan Negeri	11,828.56	14,218.97	(2,390.41)	(16.8)
3.	Badan Berkanun	6,934.33	6,963.13	(28.80)	(0.4)

BIL.	KATEGORI PEMINJAM	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
4.	Pelbagai Agensi	1,464.37	1,523.84	(59.47)	(3.9)
5.	Koperasi	262.27	237.27	25.00	10.5
6.	Perseorangan	178.37	153.43	24.94	16.3
7.	Pihak Berkuasa Tempatan	-	136.24	(136.24)	(100.0)
JUMLAH		53,916.51	57,846.05	(3,929.54)	(6.8)

Sumber: Nota 9(a)(i), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

**JADUAL 2.40
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN
MENGIKUT SUMBER PEMBIAYAAN PADA AKHIR TAHUN 2022**

BIL.	KATEGORI PEMINJAM	SUMBER PEMBIAYAAN (RM Juta)					
		KWP	KWPBB	KWAPA	KWC	PUN	PELBAGAI
1.	Syarikat	27,393.68	5,228.95	225.98	400.00	-	-
2.	Kerajaan Negeri	8,993.89	1,405.82	5.68	-	1,423.17	-
3.	Badan Berkanun	4,998.43	1,885.65	50.25	-	-	-
4.	Pelbagai Agensi	79.74	1,384.63	-	-	-	-
5.	Koperasi	6.79	255.48	-	-	-	-
6.	Perseorangan	-	-	-	-	-	178.37
JUMLAH		41,472.53	10,160.53	281.91	400.00	1,423.17	178.37

Sumber: Penyata Lengkap Tahun 2022, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Nota: KWP - Kumpulan Wang Pembangunan

KWPBB - Kumpulan Wang Pinjaman Kepada Badan Berkanun dan Badan-badan Lain

KWAPA - Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam

KWC - Kumpulan Wang Covid-19

PUN - Pendahuluan Untuk Negeri

PELBAGAI - Pembiayaan Komputer Anggota Perkhidmatan Awam, Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) dan Pendahuluan Pelbagai dan Pinjaman Kenderaan

**JADUAL 2.41
TRANSAKSI PINJAMAN
DAN PENDAHULUAN BOLEH DITUNTUT PADA TAHUN 2022**

BIL.	RINGKASAN TRANSAKSI	BIL. PINJAMAN	JUMLAH (RM Juta)
Baki Belum Selesai Pada 1 Januari 2022			57,846.05
1.	Pengeluaran Pinjaman	61	2,370.37
2.	Faedah Dipermodal	10	178.47
3.	Hapus Kira Pinjaman	102	(4,407.14)
4.	Terimaan Bayaran Balik Pinjaman:		
	Tunai	313	(2,034.16)
	Set Off Pemberian	10	(178.63)
5.	Pelarasan Penstrukturan Pinjaman	4	137.81*
6.	Keuntungan Tukaran Mata Wang Asing	3	3.74
BAKI BELUM SELESAI PADA 31 DISEMBER 2022			53,916.51

Sumber: Lejar Subsidiari Peminjam, Buku Daftar Pinjaman dan Dokumen Berkaitan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Nota: *Pelarasan penstrukturan pinjaman melibatkan faedah pinjaman luar negeri projek bekalan air Kerajaan Negeri Melaka dan Pahang yang diambil alih oleh syarikat Pengurusan Aset Air Berhad; serta penstrukturan pinjaman syarikat Iskandar Investment Berhad dan Cyberview Sdn. Bhd.

- ii. Kategori peminjam Kerajaan Negeri dan syarikat merekodkan pengurangan ketara masing-masing sebanyak RM2.390 bilion dan RM1.365 bilion. Pengurangan melibatkan Kerajaan Negeri Melaka dan Pahang yang telah dibuat pelarasan hapus kira sebanyak RM1.401 bilion, manakala sejumlah RM1.245 bilion pinjaman projek bekalan air Kerajaan Negeri Pahang dan Kelantan telah diambil alih oleh syarikat Pengurusan Aset Air Berhad. Selain itu, pelarasan hapus kira pinjaman syarikat Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. sebanyak RM2.794 bilion antara faktor utama pengurangan pinjaman belum selesai di bawah kategori syarikat.
- iii. Termasuk dalam amaun pengeluaran pinjaman berjumlah RM2.370 bilion adalah pengeluaran kali pertama bagi 14 pinjaman baharu berjumlah RM1.080 bilion. Pengeluaran tertinggi adalah bagi membiayai Projek Lebuhraya Persisiran Pantai Barat oleh syarikat West Coast Expressway Sdn. Bhd. berjumlah RM0.400 bilion. Seterusnya adalah pengeluaran pinjaman kepada Bank Pertanian Malaysia Berhad berjumlah RM0.200 bilion bagi Dana Pembiayaan Agromakanan menggunakan dana Kumpulan Wang Pembangunan.
- iv. Termasuk dalam amaun terimaan bayaran balik berjumlah RM2.034 bilion, adalah transaksi penyelesaian pinjaman terakhir bagi 10 peminjam yang berjumlah RM0.190 bilion. Antara peminjam yang terlibat adalah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebanyak RM0.136 bilion melibatkan dua pinjaman dan Kerajaan Negeri Pahang sebanyak RM0.016 bilion juga melibatkan dua pinjaman.

v. **Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman**


- Tunggakan bayaran balik pinjaman adalah amaun ABT yang melampaui tempoh matang yang telah ditetapkan. Sebanyak 295 atau 35.1% daripada 840 pinjaman mempunyai tunggakan bayaran balik berjumlah RM10.794 bilion. Amaun tunggakan terdiri daripada prinsipal pinjaman sebanyak RM7.901 bilion, faedah pinjaman sebanyak RM1.851 bilion dan kenaan faedah lewat sebanyak RM1.042 bilion. Tempoh tunggakan pinjaman yang dikenal pasti adalah antara satu hingga 42 tahun. Tunggakan pinjaman tertinggi melibatkan peminjam kategori syarikat berjumlah RM7.147 bilion dengan 56 pinjaman. Kedudukan tunggakan pinjaman mengikut kategori peminjam pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.42** dan kedudukan tunggakan pinjaman bagi tempoh lima tahun adalah seperti dalam **Carta 2.16**.

**JADUAL 2.42
KEDUDUKAN TUNGGAKAN PINJAMAN
PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

BIL.	KATEGORI PEMINJAM	TUNGGAKAN PINJAMAN					
		BIL.	TEMPOH (Tahun)	TAHUN 2022 (RM Juta)	TAHUN 2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
						RM JUTA	%
1.	Syarikat	56	1 – 16	7,146.92	7,205.79	(58.87)	(0.8)
2.	Kerajaan Negeri	214	1 – 33	3,078.80	4,227.95	(1,149.15)	(27.2)
3.	Badan Berkanun	9	3 – 27	421.43	420.14	1.29	0.3
4.	Koperasi	10	6 - 42	110.03	90.45	19.58	21.6
5.	Pelbagai Agensi	6	1 – 12	36.82	14.17	22.65	159.8
JUMLAH/TEMPOH		295	1 - 42	10,794.00	11,958.50	(1,164.50)	(9.7)

Sumber: Lejar Subsidiari Pinjaman dan Buku Daftar Pinjaman, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

**CARTA 2.16
KEDUDUKAN TUNGGAKAN PINJAMAN BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2022**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 hingga 2022

- Penurunan ketara tunggakan pinjaman melibatkan peminjam kategori Kerajaan Negeri, iaitu sebanyak RM1.149 bilion atau 27.2% kepada RM3.079 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM4.228 bilion. Penurunan ini antaranya disebabkan pengambilalihan 63 pinjaman projek bekalan air Kerajaan Negeri Pahang dan Kelantan yang berjumlah RM1.245 bilion oleh Pengurusan Aset Air Berhad.
- Termasuk dalam 295 pinjaman tertunggak adalah **77 pinjaman berjumlah RM5.582 bilion yang tidak pernah dibuat bayaran balik sejak Jadual Bayaran Balik berkuat kuasa antara tahun 1981 hingga 2022. Pada masa yang sama, sebanyak 81 pinjaman berjumlah RM5.576 bilion didapati telah tamat**

tempoh bayaran balik pinjaman, iaitu antara satu hingga 39 tahun. Senarai 10 peminjam tertinggi yang mempunyai kes tunggakan pinjaman yang tiada bayaran balik adalah seperti dalam **Jadual 2.43**. Tujuh daripada 10 peminjam tersebut juga mempunyai kes pinjaman telah tamat tempoh bayaran balik.

JADUAL 2.43
SENARAI 10 KES TERTINGGI TUNGGAKAN PINJAMAN YANG TIADA BAYARAN BALIK SERTA YANG TELAH TAMAT TEMPOH BAYARAN BALIK PADA TAHUN 2022

BIL.	PEMINJAM	TIADA BAYARAN BALIK		TAMAT TEMPOH BAYARAN BALIK	
		BIL. PINJAMAN	RM JUTA	BIL. PINJAMAN	RM JUTA
1.	Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	2	2,163.05	1	1,442.54
2.	SRC International Sdn. Bhd.	2	627.22	2	627.22
3.	Sabah Electricity Sdn. Bhd.	1	501.84	-	-
4.	Keretapi Tanah Melayu Berhad	4	477.85	-	-
5.	Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd.	2	438.42	4	672.57
6.	Kerajaan Negeri Kedah	33	421.30	13	277.50
7.	Kerajaan Negeri Sembilan	9	354.20	3	55.94
8.	Syarikat Perumahan Negara Berhad	1	223.40	1	223.40
9.	Kerajaan Negeri Pahang	1	128.38	-	-
10.	Kerajaan Negeri Perlis	6	77.48	8	131.04
JUMLAH		61	5,413.14	32	3,430.21

Sumber: Lejar Subsidiari Peminjam dan Buku Daftar Pinjaman, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

vi. Hapus Kira Pinjaman

- Sebanyak 114 pinjaman melibatkan 12 peminjam yang berjumlah RM4.604 bilion telah dibuat pelarasan hapus kira. Pelarasan hapus kira terdiri daripada amaun prinsipal berjumlah RM4.407 bilion serta faedah termasuk faedah lewat berjumlah RM0.197 bilion. Hapus kira yang diluluskan pada tahun 2022 adalah sebanyak RM1.363 bilion, manakala sebanyak RM3.241 bilion merupakan hapus kira yang telah diluluskan pada tahun 2011 hingga 2020. Amaun pinjaman yang dihapus kira mengikut sumber pembiayaan adalah seperti dalam **Jadual 2.44**.

JADUAL 2.44
PELARASAN HAPUS KIRA PINJAMAN
MENGIKUT SUMBER PEMBIAYAAN PADA TAHUN 2022

BIL.	KATEGORI PEMINJAM	SUMBER PEMBIAYAAN (RM Juta)			
		KWP		KWPBB	
		PRINSIPAL	FAEDAH DAN FAEDAH LEWAT	PRINSIPAL	FAEDAH DAN FAEDAH LEWAT
KELULUSAN HAPUS KIRA SEBELUM TAHUN 2022					
1.	Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	-	-	2,794.48	-
2.	Kerajaan Negeri Pahang	-	-	223.67	-
3.	Kerajaan Negeri Melaka	-	-	173.52	-
4.	Bank Pertanian Malaysia Berhad	-	-	40.00	-
5.	M.Y. Ikan Sdn. Bhd.	-	-	9.00	-
JUMLAH KECIL		-	-	3,240.67	-
KELULUSAN HAPUS KIRA PADA TAHUN 2022					
6.	Kerajaan Negeri Pahang	1,003.77	-	-	-
7.	Felcra Berhad	157.74	84.66	-	-
8.	Malaysia Venture Capital Management	-	54.76	-	-
9.	UDA Holding Berhad	-	46.05	-	-
10.	Syarikat Bekalan Air Selangor	-	5.81	-	-
11.	A-Winn Global Market Services Sdn. Bhd.	-	-	4.96	0.57
12.	Yayasan Amanah Saham Anak Langkawi	-	-	-	4.37
13.	ALM Resources Sdn. Bhd.	-	-	-	0.27
JUMLAH KECIL		1,161.51	191.28	4.96	5.21
JUMLAH KESELURUHAN		1,161.51	191.28	3,245.63	5.21

Sumber: Surat Kelulusan Hapus Kira dan Lejar Subsidiari Peminjam, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Nota: KWP – Kumpulan Wang Pembangunan

KWPBB – Kumpulan Wang Pinjaman kepada Badan Berkanun dan Badan-badan Lain

- Pelarasan hapus kira bagi amaun prinsipal pinjaman yang dibiayai daripada Kumpulan Wang Pembangunan serta kenaikan faedah dan faedah lewat yang berjumlah RM1.358 bilion telah dibuat pelarasan tanpa keperluan untuk menyediakan peruntukan hapus kira. Bagaimanapun, bagi hapus kira amaun prinsipal pinjaman yang dibiayai oleh Kumpulan Wang Pinjaman Kepada Badan Berkanun dan Badan-badan Lain (KWPBB) telah dilaraskan melalui dua kaedah.
- Kaedah pertama pelarasan hapus kira dibuat dengan penyediaan peruntukan hapus kira sejumlah RM0.015 bilion. Kaedah seterusnya adalah pengurangan siling peruntukan KWPBB sebanyak RM3.231 bilion. Kaedah pelarasan hapus kira ini telah diluluskan oleh YB Menteri Kewangan pada 15 Jun 2022 berdasarkan keputusan mesyuarat dasar yang bersidang pada 28 Mac 2022.

b. Pelbagai Akaun Belum Terima

- i. Pelbagai ABT terdiri daripada Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut (selain Kementerian Kewangan), ABT Hasil, ABT Hutang-hutang Lain, ABT Faedah Pinjaman Boleh Dituntut dan ABT Wang Pendahuluan Kontraktor. Kedudukan Pelbagai ABT adalah berjumlah RM51.607 bilion, iaitu berkurangan sejumlah RM3.592 bilion atau 6.5% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM55.199 bilion. Tunggakan Pelbagai ABT adalah berjumlah RM23.790 bilion atau 46.1% daripada amaun keseluruhan Pelbagai ABT. Kedudukan Pelbagai ABT pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 serta kedudukan Pelbagai ABT dan tunggakan mengikut kementerian dan jabatan adalah seperti dalam **Jadual 2.45** dan **Jadual 2.46**.

JADUAL 2.45
KEDUDUKAN PELBAGAI ABT PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	JENIS PELBAGAI ABT	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Hasil	45,392.33	49,111.46	(3,719.13)	(7.6)
2.	Faedah Pinjaman Boleh Dituntut	2,895.24	2,944.87	(49.63)	(1.7)
3.	Hutang-hutang Lain	2,682.57	2,422.80	259.77	10.7
4.	Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut (Selain Kementerian Kewangan)	561.04	643.89	(82.85)	(12.9)
5.	Wang Pendahuluan Kontraktor	76.00	76.00	-	-
JUMLAH		51,607.18	55,199.02	(3,591.84)	(6.5)

Sumber: Penyata Laporan ABT Tahun 2022 dan 2021, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

JADUAL 2.46
KEDUDUKAN PELBAGAI ABT DAN TUNGGAKAN
PADA AKHIR TAHUN 2022 MENGIKUT KEMENTERIAN DAN JABATAN

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	AMAUN PELBAGAI ABT (RM Juta)	AMAUN TUNGGAKAN	
			RM JUTA	%
1.	Kementerian Kewangan	47,844.79	20,192.71	42.2
2.	Jabatan Perdana Menteri	1,893.36	1,887.24	99.7
3.	Kementerian Kesihatan	500.88	500.88	100.0
4.	Kementerian Pengajian Tinggi	488.54	488.54	100.0
5.	Kementerian Pengangkutan	226.41	226.41	100.0
6.	Kementerian/Jabatan Lain	653.20	493.86	75.6
JUMLAH		51,607.18	23,789.64	46.1

Sumber: Penyata Laporan ABT Tahun 2022, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

- ii. ABT Hasil berjumlah RM45.392 bilion, berkurangan sebanyak RM3.719 bilion atau 7.6% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM49.111 bilion.

Penurunan adalah disebabkan oleh kutipan cukai tertunggak yang diterima dalam tahun 2022.

- iii. Selain LHDN, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) juga merekodkan pengurangan ABT Hasil sebanyak RM0.574 bilion atau 15.2% kepada RM3.192 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM3.766 bilion. Pengurangan ini sebahagian besar disebabkan penganjuran Program Khas Pengakuan Sukarela dan Pengampunan yang menawarkan remisi cukai dan penalti kepada syarikat.
- iv. ABT Faedah Pinjaman Boleh Dituntut berkurangan sejumlah RM49.63 juta atau 1.7% kepada RM2.895 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM2.945 bilion. Faedah pinjaman matang terkumpul tertinggi melibatkan peminjam kategori syarikat berjumlah RM2.278 bilion atau 78.7%.
- v. ABT Hutang-hutang Lain pula menunjukkan peningkatan berjumlah RM0.260 bilion atau 10.7% kepada RM2.683 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM2.423 bilion. Peningkatan ini sebahagian besar disebabkan oleh notis tuntutan pinjaman boleh ubah yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam bagi perjanjian pinjaman tahun 2016 berjumlah RM0.332 bilion. Selain itu, peningkatan juga disebabkan tuntutan Kementerian Pengangkutan berhubung 'government works' terhadap Senai Airport Terminal Services Sdn. Bhd. yang berjumlah RM90.51 juta.

vi. Pengusiaan Pelbagai Akaun Belum Terima

- Pelbagai ABT berjumlah RM39.752 bilion atau 77% adalah berusia kurang enam tahun dan sejumlah RM11.854 bilion atau 23% berusia melebihi enam tahun. Pelbagai ABT berusia melebihi enam tahun meningkat sejumlah RM7.394 bilion atau 165.8% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM4.460 bilion. Peningkatan ketara melibatkan ABT Hasil LHDN sebanyak RM7.862 bilion. Kedudukan pengusiaan Pelbagai ABT mengikut kementerian dan jabatan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.47**.

JADUAL 2.47
KEDUDUKAN PENGUSIAAN PELBAGAI ABT PADA AKHIR TAHUN 2022
BERBANDING 2021 MENGIKUT KEMENTERIAN DAN JABATAN


BIL.	BUTIRAN	TAHUN			PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)		2021 (RM Juta)	RM JUTA (d)=(b)-(c)	%
		< 6 TAHUN (a)	> 6 TAHUN (b)	> 6 TAHUN (c)		
1.	Kementerian Kewangan	37,565.19	10,279.60	2,932.47	7,347.13	250.5
2.	Jabatan Perdana Menteri	1,134.02	759.34	706.52	52.82	7.5
3.	Kementerian Kesihatan	344.10	156.78	119.54	37.24	31.2
4.	Kementerian Pengangkutan	212.81	13.60	6.90	6.70	97.1
5.	Kementerian Tenaga dan Sumber Asli	11.98	8.94	6.82	2.12	31.1
6.	Kementerian/Jabatan Lain	484.25	636.58	687.83	(51.25)	(7.5)
JUMLAH		39,752.35	11,854.84	4,460.08	7,394.76	165.8

Sumber: Penyata Laporan ABT Tahun 2022 dan 2021, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

vii. Hapus kira Pelbagai Akaun Belum Terima

- Hapus kira pelbagai ABT yang telah diluluskan adalah berjumlah RM420.50 juta. ABT Hasil telah diluluskan hapus kira sebanyak RM223.10 juta, ABT Faedah Pinjaman Boleh Dituntut sebanyak RM196.50 juta, ABT Hutang-hutang Lain sebanyak RM0.65 juta dan ABT Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut (selain Kementerian Kewangan) sebanyak RM0.25 juta. Sebahagian besar hapus kira ini merupakan ABT yang berusia melebihi enam tahun berjumlah RM243.26 juta atau 57.9%.
- Bagi ABT Hasil, LHDN telah diluluskan hapus kira berjumlah RM198.97 juta melibatkan pembayar cukai yang tidak dapat dikesan, meninggal dunia, meninggalkan negara, bankrap, penggulangan syarikat, pembubaran dan lejar yang tidak aktif melebihi enam tahun. Selain itu, Kementerian Kesihatan pula diluluskan hapus kira bagi bil hospital, sewa, denda dan bayaran balik yang tidak dapat dikutip berjumlah RM23.90 juta.
- Akaun Belum Terima Faedah Pinjaman Boleh Dituntut pula telah diluluskan hapus kira berjumlah RM196.50 juta. Antara hapus kira yang diluluskan adalah melibatkan 28 pinjaman syarikat FELCRA Berhad berjumlah RM84.66 juta, satu pinjaman syarikat Malaysia Venture Capital Management berjumlah RM54.76 juta dan satu pinjaman syarikat UDA Holding Berhad berjumlah RM46.05 juta.
- Trend lima tahun bagi hapus kira ABT yang berusia melebihi tempoh enam tahun adalah seperti dalam **Carta 2.17**.

CARTA 2.17
TREND HAPUS KIRA PELBAGAI ABT
BERUSIA MELEBIHI ENAM TAHUN BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2022




Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 hingga 2022

8.3.2. Pelaburan

- a. Pelaburan di Penyata Memorandum merujuk kepada pegangan kepentingan Kerajaan dalam syarikat, badan berkanun dan agensi antarabangsa. Nilai buku pelaburan Kerajaan adalah berjumlah RM34.030 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM0.168 bilion atau 0.5% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM33.862 bilion. Trend nilai buku pelaburan Kerajaan bagi tempoh lima tahun adalah seperti dalam **Carta 2.18** dan perincian pegangan kepentingan Kerajaan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.48**.

CARTA 2.18
NILAI BUKU PELABURAN KERAJAAN BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2022



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 hingga 2022

JADUAL 2.48
PEGANGAN KEPENTINGAN KERAJAAN
PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	KATEGORI	BIL. PEGANGAN	TAHUN		PERUBAHAN	
			2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Syarikat	112	33,013.85	32,844.85	169.00	0.5
2.	Badan Berkanun	5	978.10	978.10	-	-
3.	Agensi Antarabangsa	1	38.57	38.57	-	-
JUMLAH		118	34,030.52	33,861.52	169.00	0.5

Sumber: Nota 9(b), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

- b. Pada tahun 2022, pegangan kepentingan kerajaan dalam syarikat Digital Nasional Berhad telah meningkat kepada 500 juta unit saham biasa bernilai RM1 seunit. Selain itu, pegangan kepentingan Agensi Inovasi Malaysia dalam dua syarikat telah dipindahkan kepada Menteri Kewangan Diperbadankan susulan pembubarannya. Pada masa yang sama, pegangan kepentingan Kerajaan sebanyak 131 juta unit Saham Keutamaan Kumulatif Boleh Tebus dalam syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. telah dibuat penebusan.
- c. Kerajaan juga mempunyai pegangan kepentingan dalam tiga syarikat yang masih dalam proses penggulungan, iaitu Malaysia Batek and Handicraft Berhad sebanyak 300,001 unit saham biasa, Malaysian Airline System Berhad sebanyak satu unit saham keutamaan dan Medical Online Sdn. Bhd. sebanyak satu unit saham keutamaan.
- d. Ringkasan transaksi pelaburan Kerajaan pada tahun 2022 adalah seperti dalam **Jadual 2.49**.

JADUAL 2.49
RINGKASAN TRANSAKSI PELABURAN KERAJAAN PADA TAHUN 2022

BIL.	SYARIKAT	PERUBAHAN PEGANGAN SAHAM		KETERANGAN
		UNIT	NILAI BUKU (RM Juta)	
Pertambahan Pegangan Saham				
1.	Digital Nasional Berhad	300,000,000 saham biasa	300.00	Lembaga Pengarah telah meluluskan resolusi untuk menambah terbitan saham syarikat daripada 200 juta unit kepada 500 juta unit dengan nilai RM1 bagi setiap satu unit saham. Seterusnya, sejumlah RM300 juta peruntukan kerajaan yang telah diberikan sebagai pendahuluan pemegang saham telah dipermodalkan oleh syarikat.
Perolehan Saham Baharu				
2.	Innocorp Ventures Sdn. Bhd.	1,000 saham biasa	-	Kedua-dua syarikat ini adalah anak syarikat kepada Agensi Inovasi Malaysia (AIM). Memandangkan AIM telah dibubarkan, pengurusan kedua-dua syarikat ini telah dipindahkan kepada Kementerian
3.	Platcom Ventures Sdn. Bhd.	25,000 saham biasa	-	

BIL.	SYARIKAT	PERUBAHAN PEGANGAN SAHAM		KETERANGAN
		UNIT	NILAI BUKU (RM Juta)	
				Kewangan. Transaksi ini selaras dengan peruntukan seksyen 46, Akta Agensi Inovasi Malaysia 2010 [Akta 718] yang meletakkan tanggungjawab sepenuhnya kepada Kementerian Kewangan berkenaan dengan hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti apabila tamatnya tempoh Akta.
Pengurangan Pegangan Saham				
4.	Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd.	131,000,000 Saham Keutamaan Kumulatif Boleh Tebus	(131.00)	Sebanyak 131 juta unit pegangan saham Kerajaan telah ditebus oleh Pengurusan Aset Air Berhad pada kadar premium. Bayaran telah dijelaskan pada bulan September 2022 sebanyak RM175.52 juta bagi transaksi penebusan ini.
JUMLAH			169.00	

Sumber: Buku Daftar Pelaburan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Sijil Saham dari Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan, Kementerian Kewangan

e. Dividen Pelaburan

- i. Dividen pelaburan yang diterima daripada 16 syarikat dan dua badan berkanun adalah berjumlah RM55.815 bilion. Amaun terimaan dividen ini meningkat sejumlah RM23.602 bilion atau 73.3% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM32.213 bilion. Prestasi terimaan dividen pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.50**.

JADUAL 2.50
PRESTASI TERIMAAN
DIVIDEN PELABURAN PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
Syarikat					
1.	Petroleum Nasional Berhad	50,000.00	25,000.00	25,000.00	100.0
2.	Khazanah Nasional Berhad	500.00	3,000.00	(2,500.00)	(83.3)
3.	Bank Pembangunan Malaysia Berhad	75.00	75.00	-	-
4.	Prokhas Sdn. Bhd.	55.65	11.50	44.15	383.9
5.	UDA Holdings Berhad	38.80	-	38.80	100.0
6.	Syarikat Perumahan Pegawai Kerajaan Sdn. Bhd.	37.81	4.90	32.91	671.6
7.	Pengurusan Aset Air Berhad	19.01	17.45	1.56	8.9
8.	Bank Pertanian Malaysia Berhad	15.00	0.99	14.01	1,415.2
9.	Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	12.00	26.00	(14.00)	(53.8)
10.	IJN Holdings Sdn. Bhd.	11.50	16.50	(5.00)	(30.3)
11.	Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad	7.26	5.00	2.26	45.2
12.	SME Bank Berhad	5.01	13.21	(8.20)	(62.1)
13.	Cyberview Sdn. Bhd.	4.93	6.16	(1.23)	(20.0)
14.	Malaysia Debt Ventures Berhad	1.50	-	1.50	100.0

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
15.	Malaysian Kuwaiti Investment Sdn. Bhd.	0.63	-	0.63	100.0
16.	Amanah Raya Berhad	0.60	6.00	(5.40)	(90.0)
17.	Perbadanan Nasional Berhad	-	4.98	(4.98)	(100.0)
18.	Danajamin Nasional Berhad*	TB	3.80	(3.80)	(100.0)
19.	MyCreative Venture Sdn. Bhd.	-	0.16	(0.16)	(100.0)
20.	JKP Sdn. Bhd.	-	0.10	(0.10)	(100.0)
Jumlah Syarikat		50,784.70	28,191.75	22,592.95	80.1
Badan Berkanun					
21.	Bank Negara Malaysia	5,000.00	4,000.00	1,000.00	25.0
22.	Bank Simpanan Nasional	30.00	21.00	9.00	42.9
Jumlah Badan Berkanun		5,030.00	4,021.00	1,009.00	25.1
JUMLAH KESELURUHAN		55,814.70	32,212.75	23,601.95	73.3

Sumber: Laporan Imbangan Duga Tunai Disember 2022, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Nota: TB – Tidak Berkenaan

*Pegangan kepentingan Danajamin Nasional Berhad telah diambil alih oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad pada tahun 2021

- ii. Peningkatan dalam terimaan dividen melibatkan sembilan syarikat dan dua badan berkanun berjumlah RM55.206 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM26.145 bilion atau 90% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM29.061 bilion. Peningkatan ketara melibatkan terimaan dividen daripada syarikat Petroliam Nasional Berhad sebanyak RM50 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM25 bilion. Selain itu, Kerajaan juga menerima dividen daripada syarikat UDA Holdings Berhad, Malaysia Debt Ventures Berhad dan Malaysian Kuwaiti Investment Sdn. Bhd. sebanyak RM40.92 juta. Tiada dividen diterima daripada syarikat tersebut pada tahun 2021.
- iii. Bagaimanapun, terimaan dividen daripada enam syarikat yang berjumlah RM0.534 bilion berkurangan sebanyak RM2.534 bilion atau 82.6% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM3.068 bilion. Pengurangan terimaan dividen yang ketara adalah daripada syarikat Khazanah Nasional Berhad dan Pembinaan BLT Sdn. Bhd. yang berkurangan masing-masing sejumlah RM2.500 bilion dan RM14 juta berbanding dividen tahun 2021 yang berjumlah RM3.026 bilion.
- iv. Tiada dividen diterima daripada syarikat Perbadanan Nasional Berhad, MyCreative Venture Sdn. Bhd. dan JKP Sdn. Bhd. pada tahun 2022 berbanding dividen tahun 2021 yang berjumlah RM5.24 juta.

8.4. Memorandum Liabiliti

8.4.1. Liabiliti Persekutuan adalah berjumlah RM1.399 trilion, iaitu terdiri daripada Hutang Persekutuan berjumlah RM1.080 trilion dan Liabiliti Kewangan berjumlah RM319.571 bilion. Liabiliti Kewangan ini terdiri daripada Liabiliti PFI berjumlah RM34.492 bilion, Komitmen Kewangan berjumlah RM284.924 bilion dan Pelbagai Liabiliti berjumlah RM0.155 bilion. Liabiliti Persekutuan meningkat sejumlah RM94.116 bilion atau 7.2% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM1.305 trilion. Nisbah Liabiliti Persekutuan kepada KDNK adalah 78.1% berbanding 84.3% pada tahun 2021. Kedudukan Liabiliti Persekutuan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.51**.

JADUAL 2.51
KEDUDUKAN LIABILITI PERSEKUTUAN
PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Bilion)	2021 (RM Bilion)	RM BILION	%
1.	Hutang Persekutuan	1,079.591	979.814	99.777	10.2
2.	Liabiliti PFI	34.492	35.575	(1.083)	(3.0)
3.	Komitmen Kewangan	284.924	289.506	(4.582)	(1.6)
4.	Pelbagai Liabiliti	0.155	0.151	0.004	2.6
JUMLAH		1,399.162	1,305.046	94.116	7.2
Nisbah Liabiliti Persekutuan Kepada KDNK		78.1%	84.3%		

Sumber: Nota 10, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022 dan Statistik Akaun Negara terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia bertarikh 12 Mei 2023

8.4.2. Hutang Persekutuan

- a. Hutang Persekutuan adalah hutang yang dibuat secara langsung oleh Kerajaan Persekutuan dan tidak termasuk hutang agensi atau syarikat Kerajaan. Hutang Persekutuan adalah berjumlah RM1,079.591 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM99.777 bilion atau 10.2% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM979.814 bilion.
- b. Hutang Persekutuan terdiri daripada Pinjaman Dalam Negeri berjumlah RM1,050.078 bilion atau 97.3% dari jumlah keseluruhan Hutang Persekutuan dan Hutang Luar Negeri berjumlah RM29.513 bilion atau 2.7%. Pinjaman Dalam Negeri mencatatkan peningkatan sejumlah RM99.994 bilion atau 10.5%, manakala Hutang Luar Negeri berkurangan sejumlah RM0.218 bilion atau 0.7%.

- c. Kedudukan Hutang Persekutuan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.52** dan trend kedudukan Hutang Persekutuan bagi tempoh lima tahun adalah seperti dalam **Carta 2.19**.


JADUAL 2.52
KEDUDUKAN HUTANG PERSEKUTUAN
PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
PINJAMAN DALAM NEGERI				
Sekuriti Kerajaan Malaysia	538,177.73	480,717.53	57,460.20	12.0
Terbitan Pelaburan Kerajaan	471,300.00	422,600.00	48,700.00	11.5
Bil Perbendaharaan Islamik	22,500.00	18,500.00	4,000.00	21.6
Sukuk	9,100.00	18,766.42	(9,666.42)	(51.5)
Bil Perbendaharaan	9,000.00	9,500.00	(500.00)	(5.3)
Jumlah Pinjaman Dalam Negeri	1,050,077.73	950,083.95	99,993.78	10.5
PINJAMAN LUAR NEGERI				
Pinjaman Pasaran	25,542.40	25,147.10	395.30	1.6
Jumlah Pinjaman Luar Negeri	25,542.40	25,147.10	395.30	1.6
BANTUAN LUAR NEGERI				
Pinjaman Bilateral	3,887.26	4,467.80	(580.54)	(13.0)
Pinjaman Multilateral	83.13	115.51	(32.38)	(28.0)
Jumlah Bantuan Luar Negeri	3,970.39	4,583.31	(612.92)	(13.4)
HUTANG LUAR NEGERI*	29,512.79	29,730.41	(217.62)	(0.7)
HUTANG PERSEKUTUAN	1,079,590.52	979,814.36	99,776.16	10.2

Sumber: Nota 10(a), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

Nota: *Hutang Luar Negeri terdiri daripada Pinjaman Luar Negeri dan Bantuan Luar Negeri

CARTA 2.19
KEDUDUKAN HUTANG PERSEKUTUAN BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2022



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 hingga 2022

- d. Hutang Persekutuan berjumlah RM709.751 bilion atau 65.7% akan matang dalam tempoh satu hingga 10 tahun, sejumlah RM266.141 bilion atau 24.7% matang dalam tempoh 11 hingga 20 tahun dan sejumlah RM103.699 bilion atau 9.6% akan matang dalam tempoh 21 hingga 30 tahun. Kedudukan pengusuaian tempoh matang Hutang Persekutuan pada tahun 2022 adalah seperti dalam **Jadual 2.53**.

JADUAL 2.53
KEDUDUKAN PENGUSUAAN
TEMPOH MATANG HUTANG PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2022

BIL.	INSTRUMEN HUTANG KERAJAAN	TEMPOH MATANG		
		1-10 Tahun (RM Juta)	11-20 Tahun (RM Juta)	21-30 Tahun (RM Juta)
1.	Sekuriti Kerajaan Malaysia	346,984.07	132,308.00	58,885.66
2.	Terbitan Pelaburan Kerajaan	303,000.00	131,800.00	36,500.00
3.	Pinjaman Pasaran	18,957.40	-	6,585.00
4.	Bil Perbendaharaan Islamik	22,500.00	-	-
5.	Bil Perbendaharaan	9,000.00		
6.	Sukuk	9,100.00	-	-
7.	Pinjaman Multilateral	83.13	-	-
8.	Pinjaman Bilateral	126.16	2,032.62	1,728.48
JUMLAH		709,750.76	266,140.62	103,699.14

Sumber: Lampiran 6, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

- e. Kerajaan telah menerbitkan Sukuk Lestari pada bulan September 2022, dengan nilai nominal RM4.500 bilion. Sukuk Lestari telah dilanggan dengan premium sebanyak RM0.24 juta. Sebanyak RM1.450 bilion atau 32.2% amaun sukuk dilanggan oleh entiti kerajaan, manakala baki sebanyak RM3.050 bilion atau 67.8% dilanggan oleh entiti swasta. Sukuk ini bertempoh matang selama 15 tahun dengan kadar keuntungan 4.662%. Terimaan daripada terbitan sukuk ini digunakan untuk membiayai atau membiayai semula perbelanjaan sosial dan mesra alam yang layak seperti yang digariskan dalam Rangka Kerja Sukuk Matlamat Pembangunan Mampan Kerajaan Malaysia.
- f. Sukuk Prihatin yang diterbitkan pada 22 September 2020 berjumlah RM666.42 juta telah ditebus sepenuhnya pada tarikh matang, iaitu pada 22 September 2022. Seramai 95 pemegang Sukuk Prihatin telah memilih untuk menyumbangkan prinsipal Sukuk Prihatin berjumlah RM2.60 juta kepada Kerajaan dan telah disalurkan kepada Akaun Amanah Bencana di bawah tadbir urus Kementerian Kewangan.
- g. Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2021 [*Akta A1635*], Seksyen 2, telah meminda had statutori hutang berbanding Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)

kepada 65% berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2022. **Pada tahun 2022, had statutori hutang yang melibatkan Bil Perbendaharaan Islamik, Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Sekuriti Kerajaan Malaysia yang berjumlah RM1.032 trilion adalah bersamaan dengan 57.6% kepada KDNK, iaitu lebih rendah berbanding tahun 2021 yang berada pada kedudukan 59.6% kepada KDNK.**

- h. Nisbah Hutang Persekutuan kepada KDNK pada tahun 2022 adalah pada kedudukan 60.3%, iaitu berkurangan sebanyak 3% berbanding tahun 2021 yang berada pada kedudukan 63.3%. Penurunan nisbah ini antara lain adalah dibantu oleh prestasi pertumbuhan KDNK yang lebih baik berbanding tahun 2021. Peratusan nisbah Hutang Persekutuan kepada KDNK bagi tempoh lima tahun adalah seperti dalam **Jadual 2.54**.

JADUAL 2.54
PERATUSAN NISBAH HUTANG PERSEKUTUAN
KEPADA KDNK PADA BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA TAHUN 2022

PERKARA	TAHUN				
	2018 (RM Bilion)	2019 (RM Bilion)	2020 (RM Bilion)	2021 (RM Bilion)	2022 (RM Bilion)
Jumlah Hutang Persekutuan	741.049	792.998	879.560	979.814	1,079.591
KDNK	1,447.760	1,512.738	1,418.000	1,548.898	1,791.358
Nisbah Hutang Persekutuan Kepada KDNK	51.2%	52.4%	62.0%	63.3%	60.3%

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 hingga 2022 dan Statistik Akaun Negara terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia pada 12 Mei 2023

Nota: KDNK 2022: RM1,791.358 bilion, KDNK 2021: RM1,548.898 bilion (Berdasarkan Statistik Akaun Negara terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia yang dikeluarkan pada 12 Mei 2023)

8.4.3. Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta

- a. Inisiatif Pembiayaan Swasta adalah satu kaedah pembiayaan projek pembangunan fizikal, program dan aktiviti secara *off-budget*. Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. dan MKD Aman Makmur Sdn. Bhd. ditubuhkan bagi mendapatkan pinjaman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP). Terimaan keseluruhan pinjaman berjumlah RM47.300 bilion telah disalurkan sebagai sumbangan kepada Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dan Akaun Amanah Pelaksanaan Projek/Program/Aktiviti Menerusi Pembiayaan Swasta (PFI II). Dana tersebut digunakan bagi membiayai perbelanjaan seperti yang ditetapkan dalam Arahan Amanah. Bayaran balik pinjaman berkenaan akan dilunaskan oleh Kerajaan mengikut Jadual Bayaran Balik dan kedudukan amaun pinjaman belum selesai dilaporkan sebagai Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta (Liabiliti PFI).


- b. Kedudukan Liabiliti PFI adalah berjumlah RM34.492 bilion, iaitu berkurangan sebanyak RM1.083 bilion atau 3% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM35.575 bilion. Pengurangan ini disebabkan pelunasan prinsipal pinjaman matang tahun 2022 yang berjumlah RM1.082 bilion. Kedudukan Liabiliti PFI pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.55**, manakala trend kedudukan Liabiliti PFI untuk tempoh lima tahun adalah seperti dalam **Carta 2.20**.

JADUAL 2.55
KEDUDUKAN LIABILITI PFI PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	SYARIKAT	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	18,284.03	19,366.38	1,082.35	(5.6)
2.	MKD Aman Makmur Sdn. Bhd.	16,208.31	16,208.31	-	-
JUMLAH		34,492.34	35,574.69	1,082.35	(3.0)

Sumber: Nota 10(b), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

CARTA 2.20
KEDUDUKAN LIABILITI PFI PADA TAHUN 2018 HINGGA 2022



Sumber: Nota 10(b), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 hingga 2022

- Nota: i. PPF – Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd.; MKDAM – Syarikat MKD Aman Makmur Sdn. Bhd.
ii. Amaun yang dilaporkan adalah amaun prinsipal pinjaman

- c. Selain pelunasan amaun prinsipal pinjaman, Kerajaan juga membayar faedah pinjaman berjumlah RM1.411 bilion, iaitu lebih tinggi sebanyak RM0.241 bilion atau 20.6% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM1.170 bilion. Peningkatan

ini disebabkan bayaran faedah pinjaman bagi perjanjian penstrukturan pinjaman tahun 2021 bermula pada bulan Mac 2022.

- d. Secara keseluruhannya, amaun perbelanjaan berkaitan Liabiliti PFI untuk tahun 2022 adalah berjumlah RM2.493 bilion, iaitu berkurangan sebanyak RM0.472 bilion atau 15.9% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM2.965 bilion. Perbelanjaan ini telah dikenakan sepenuhnya kepada peruntukan pembangunan Kementerian Kewangan.

8.4.4. Komitmen Kewangan

- a. Komitmen Kewangan ialah obligasi Kerajaan Persekutuan untuk membuat bayaran kepada pihak yang berkaitan. Komitmen Kewangan terdiri daripada Komitmen Jaminan, Komitmen Pajak Kewangan, Komitmen Bayaran Balik Cukai dan Komitmen Pampasan. Kedudukan Komitmen Kewangan adalah berjumlah RM284.924 bilion, iaitu berkurangan sejumlah RM4.582 bilion atau 1.6% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM289.506 bilion. Kedudukan Komitmen Kewangan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.56**.

JADUAL 2.56
KEDUDUKAN KOMITMEN KEWANGAN
PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Bilion)	2021 (RM Bilion)	RM BILION	%
1.	Komitmen Jaminan	224.116	229.392	(5.276)	(2.3)
2.	Komitmen Pajak Kewangan	34.552	37.280	(2.728)	(7.3)
3.	Komitmen Bayaran Balik Cukai	25.721	21.836	3.885	17.8
4.	Komitmen Pampasan	0.535	0.998	(0.463)	(46.4)
JUMLAH		284.924	289.506	(4.582)	(1.6)

Sumber: Nota 10(c), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

b. Komitmen Jaminan

- i. Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*] dan Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] memberi kuasa kepada Kerajaan untuk memberi jaminan kepada pinjaman yang dibuat oleh pertubuhan perbadanan. Komitmen Jaminan adalah obligasi Kerajaan untuk menyediakan peruntukan kepada syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) bagi melunaskan pinjaman yang dibuat oleh syarikat yang dijamin oleh Kerajaan. Sehingga

akhir tahun 2022, 14 syarikat MKD telah menerima penyaluran peruntukan bagi tujuan bayaran balik pinjaman masing-masing.

- ii. Komitmen Jaminan yang dilaporkan adalah berjumlah RM224.116 bilion, iaitu berkurangan sejumlah RM5.276 bilion atau 2.3% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM229.392 bilion. Kedudukan Komitmen Jaminan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.57**.

JADUAL 2.57
KEDUDUKAN KOMITMEN JAMINAN
PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	SYARIKAT	KOMITMEN JAMINAN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	DanaInfra Nasional Berhad	82,680.00	78,765.00	3,915.00	5.0
2.	Prasarana Malaysia Berhad	42,369.00	40,164.00	2,205.00	5.5
3.	Malaysia Rail-Link Sdn. Bhd.	30,851.35	25,725.89	5,125.46	19.9
4.	Urusharta Jamaah Sdn. Bhd.	22,403.41	21,526.27	877.14	4.1
5.	1Malaysia Development Berhad	18,170.00	32,072.50	(13,902.50)	(43.3)
6.	Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd.	6,485.31	7,179.30	(693.99)	(9.7)
7.	Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	5,420.93	5,470.49	(49.56)	(0.9)
8.	Turus Pesawat Sdn. Bhd.	4,810.00	5,310.00	(500.00)	(9.4)
9.	Govco Holdings Berhad	4,625.00	5,700.00	(1,075.00)	(18.9)
10.	MKD Kencana Sdn. Bhd.	4,500.00	4,500.00	-	-
11.	TRX City Sdn. Bhd.	1,150.00	1,141.54	8.46	0.7
12.	Sentuhan Budiman Sdn. Bhd.	600.00	700.00	(100.00)	(14.3)
13.	Assets Global Network Sdn. Bhd.	50.58	151.74	(101.16)	(66.7)
14.	SRC International Sdn. Bhd.	-	985.01	(985.01)	(100.0)
JUMLAH		224,115.58	229,391.74	(5,276.16)	(2.3)

Sumber: Nota 10(c)(i) dan Lampiran 8, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

- iii. Pengurangan dalam kedudukan Komitmen Jaminan disebabkan oleh bayaran prinsipal pinjaman syarikat terutamanya 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang berjumlah USD3.500 bilion atau RM15.524 bilion, Govco Holdings Berhad berjumlah RM1.075 bilion, SRC International Sdn. Bhd. sebanyak RM0.985 bilion, Turus Pesawat Sdn. Bhd. berjumlah RM500 juta, Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd. sebanyak RM0.468 bilion dan Jambatan Kedua Sdn. Bhd. berjumlah USD22 juta atau RM94.62 juta.
- iv. Selain itu, terdapat terbitan pinjaman baharu antaranya oleh syarikat DanaInfra Nasional Berhad, Malaysia Rail-Link Sdn. Bhd., Prasarana Malaysia Berhad dan TRX City Sdn. Bhd. bagi membiayai pelaksanaan projek infrastruktur negara.

v. Penyaluran Peruntukan Kerajaan

- Pada tahun 2022, sebanyak 12 syarikat telah disalurkan peruntukan berjumlah RM32.827 bilion bagi memenuhi obligasi pinjaman masing-masing. Jumlah pemberian ini meningkat sejumlah RM21.490 bilion atau 189.6% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM11.337 bilion untuk 11 syarikat. Butiran penyaluran peruntukan bayaran balik pinjaman syarikat pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.58**.

JADUAL 2.58
PENYALURAN PERUNTUKAN BAGI
BAYARAN BALIK PINJAMAN SYARIKAT PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	SYARIKAT	TAHUN					PERUBAHAN		
		2022 (RM Juta)				2021 (RM Juta)			
		SUMBER PEMBIAYAAN					JUMLAH	RM JUTA	%
		VOT B	VOT P	VOT L	JUMLAH				
1.	1Malaysia Development Berhad	-	1,530.00	15,534.73	17,064.73	1,699.84	15,364.89	903.9	
2.	DanaInfra Nasional Berhad	-	6,855.99	-	6,855.99	3,717.93	3,138.06	84.4	
3.	Prasarana Malaysia Berhad	-	4,652.49	-	4,652.49	1,221.29	3,431.20	280.9	
4.	SRC International Sdn. Bhd.	-	1,026.87	-	1,026.87	1,540.29	(513.42)	(33.3)	
5.	Govco Holdings Berhad	-	868.12	-	868.12	1,727.70	(859.58)	(49.8)	
6.	Turus Pesawat Sdn. Bhd.	-	718.40	-	718.40	218.71	499.69	228.5	
7.	Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd.	-	701.53	-	701.53	472.61	228.92	48.4	
8.	Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	-	332.60	-	332.60	329.85	2.75	0.8	
9.	Urusharta Jamaah Sdn. Bhd.	-	200.00	-	200.00	-	200.00	100.0	
10.	MKD Kencana Sdn. Bhd.	-	199.58	-	199.58	178.40	21.18	11.9	
11.	Assets Global Network Sdn. Bhd.	106.27	-	-	106.27	110.37	(4.10)	(3.7)	
12.	Sentuhan Budiman Sdn. Bhd.	100.00	-	-	100.00	120.37	(20.37)	(16.9)	
JUMLAH		206.27	17,085.58	15,534.73	32,826.58	11,337.36	21,489.22	189.5	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

Nota: Vot B – Vot Mengurus, Vot P – Vot Pembangunan dan Vot L – Vot Amanah

- Peningkatan pemberian ini antaranya disebabkan oleh bayaran balik prinsipal pinjaman matang yang lebih tinggi berbanding tahun 2021 dan juga untuk pembayaran faedah pinjaman.

vi. Komitmen Jaminan Syarikat 1Malaysia Development Berhad

- Sehingga akhir tahun 2022, jaminan pinjaman syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) adalah berjumlah RM18.170 bilion, iaitu terdiri daripada bon berjumlah USD3 bilion atau RM13.170 bilion yang perlu dilunaskan pada tahun 2023, dan bon berjumlah RM5 bilion yang akan matang pada tahun 2039.
- Sebanyak dua bon 1MDB, iaitu 1MDB Energy Limited dan 1MDB Energy (Langat) telah matang dalam tahun 2022. Prinsipal bon berjumlah USD3.500 bilion atau RM15.524 bilion telah dilunaskan menggunakan dana Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset (AAMKA).
- Faedah pinjaman 1MDB yang berjumlah RM1.541 bilion pada tahun 2022 telah dilunaskan menggunakan peruntukan pembangunan berjumlah RM1.530 bilion dan dana AAMKA berjumlah RM11 juta. Baki AAMKA pada akhir tahun 2022 adalah RM1.927 bilion. Butiran lanjut pelunasan faedah pinjaman 1MDB adalah seperti dalam **Jadual 2.59**.

JADUAL 2.59
PELUNASAN FAEDAH PINJAMAN 1MDB BAGI TAHUN 2022

BIL.	BUTIRAN JAMINAN	BAYARAN FAEDAH PINJAMAN		
		TARIKH BAYARAN	SUMBER DANA	AMAUN (RM Juta)
1.	Bon Global	03.03.2022	Vot Pembangunan	277.20
		30.08.2022	Vot Pembangunan	297.00
2.	1MDB Energy (Langat)	11.4.2022	Vot Pembangunan	211.31
		10.05.2022	AAMKA	11.00
		11.10.2022	Vot Pembangunan	226.40
3.	1MDB Energy Limited	28.04.2023	Vot Pembangunan	220.13
4.	Sukuk	23.05.2022	Vot Pembangunan	143.75
		27.10.2022	Vot Pembangunan	143.75
		27.10.2022	Vot Pembangunan	10.46
JUMLAH				1,541.00

Sumber: Data iGFMAS, buku amanah dan dokumen sokongan Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan

vii. Komitmen Jaminan Syarikat Urusharta Jamaah Sdn. Bhd.

- Syarikat Urusharta Jamaah Sdn. Bhd. ditubuhkan sebagai syarikat bertujuan khas yang merupakan sebahagian daripada rangka kerja Pelan Pemulihan dan Penstrukturan Lembaga Tabung Haji (LTH). Tujuan penubuhannya adalah untuk mengambil alih aset pelaburan LTH yang mengalami kejatuhan nilai akibat keadaan pasaran semasa serta aset yang memberi pulangan rendah.
- Pada tahun 2019, sukuk berkupon sifar telah diterbitkan dengan nilai prinsipal berjumlah RM10 bilion bagi tempoh tujuh tahun dengan *yield to maturity* 4.05% dan sukuk berkupon sifar dengan nilai prinsipal berjumlah RM9.600 bilion bagi tempoh sepuluh tahun dengan *yield to maturity* 4.10%.
- Pada tahun 2022, sejumlah RM200 juta telah dibayar pada 26 Januari 2023 sebagai penyelesaian awal bagi mengurangkan kos keseluruhan sukuk yang perlu ditanggung Kerajaan berbanding penebusan secara sekali gus yang lebih tinggi pada tarikh matang sukuk. Baki komitmen sehingga akhir tahun 2022 adalah berjumlah RM22.403 bilion.

viii. Komitmen Jaminan Syarikat DanaInfra Nasional Berhad

- DanaInfra Nasional Berhad (DanaInfra), sebuah syarikat bertujuan khas milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) telah ditubuhkan pada 3 Mac 2011. Tujuan utama penubuhan adalah untuk memperoleh dan menguruskan dana bagi projek infrastruktur Kerajaan. Pada masa ini, DanaInfra berperanan untuk memperoleh dana bagi membiayai projek Transit Aliran Massa (MRT), Pan Borneo Sarawak dan Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) melalui terbitan sukuk.
- Pada tahun 2022, sejumlah RM9.835 bilion pinjaman baharu telah dibuat yang terdiri daripada RM5.935 bilion bagi projek MRT, RM3 bilion bagi projek LRT3 dan RM0.900 bilion untuk projek Pan Borneo Sarawak. Syarikat telah menjelaskan bayaran balik prinsipal pinjaman matang berjumlah RM5.920 bilion pada tahun 2022, iaitu RM4.920 bilion untuk projek MRT dan RM1 bilion untuk projek LRT3.
- Baki komitmen DanaInfra sehingga akhir tahun 2022 adalah berjumlah RM82.680 bilion.

c. Komitmen Pajak Kewangan

- i. Aset pajakan terdiri daripada aset bangunan yang dibangunkan melalui Kerjasama Sektor Awam – Swasta (Public Private Partnership: PPP) di bawah pengurusan dan pemantauan Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri. Bayaran bagi perjanjian PPP terdiri daripada tiga komponen utama, iaitu bayaran pajakan, bayaran caj penyenggaraan dan bayaran caj penggantian aset bagi tempoh sehingga 25 tahun.
- ii. Selain itu, aset pajakan juga termasuk peralatan dan kenderaan yang didapatkan melalui perjanjian konsesi. Kedudukan Komitmen Pajak Kewangan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.60**.

JADUAL 2.60
KEDUDUKAN KOMITMEN PAJAKAN KEWANGAN
PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	KATEGORI PAJAKAN	TAHUN				PERUBAHAN		
		2022		2021		BIL.	RM JUTA	%
		BIL.	RM JUTA	BIL.	RM JUTA			
1.	Kerajaan Persekutuan							
	Bangunan	163	22,058.78	163	24,184.51*	-	(2,125.73)	(8.8)
	Peralatan	8	851.79	7	748.55	1	103.24	13.8
	Kenderaan	734	62.80	-	-	734	62.80	100.0
	Jumlah Kerajaan Persekutuan	905	22,973.37	170	24,933.06	735	(1,959.69)	(7.9)
2.	Badan Berkanun							
	Bangunan	28	11,578.34	28	12,347.17	-	(768.83)	(6.2)
	Jumlah Badan Berkanun	28	11,578.34	28	12,347.17	-	(768.83)	(6.2)
	JUMLAH KESELURUHAN	933	34,551.71	198	37,280.23	735	(2,728.52)	(7.3)

Sumber: Nota 10(c)(ii), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

Nota: *Nilai perbandingan bagi aset pajakan Bangunan Persekutuan tahun 2021 telah dinyatakan semula

- iii. Kedudukan Komitmen Pajak adalah berjumlah RM34.552 bilion, iaitu berkurangan sejumlah RM2.728 bilion atau 7.3% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM37.280 bilion. Komitmen ini meliputi kos pajakan bagi 163 buah bangunan Persekutuan, 28 buah bangunan Badan Berkanun, lapan perjanjian pajakan peralatan Kerajaan Persekutuan serta 734 buah kenderaan konsesi.
- iv. Pajak kenderaan dilaporkan mulai tahun 2022. Pajak ini merujuk kepada perjanjian konsesi yang ditandatangani dengan syarikat SPANCO Sdn. Bhd. pada bulan Januari 2022 dan berkuat kuasa selama tempoh 15 tahun.

Bilangan kenderaan bagi tempoh penghantaran mulai bulan Ogos 2022 hingga Disember 2022 adalah sebanyak 734 buah.

d. Komitmen Bayaran Balik Cukai

- i. Komitmen Bayaran Balik Cukai adalah obligasi Kerajaan untuk membuat bayaran balik lebih cukai yang telah dikutip daripada Orang Kena Cukai. Bayaran balik ini tertakluk kepada proses semakan dan pengauditan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Sebanyak tiga jenis cukai yang mempunyai elemen bayaran balik, iaitu Cukai Pendapatan, Cukai Keuntungan Harta Tanah serta Cukai Barangan dan Perkhidmatan.
- ii. Kedudukan Komitmen Bayaran Balik Cukai adalah berjumlah RM25.721 bilion. Amaun komitmen ini meningkat sejumlah RM3.885 bilion atau 17.8% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM21.836 bilion. Kedudukan Komitmen Bayaran Balik Cukai pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.61**.

JADUAL 2.61
KEDUDUKAN KOMITMEN BAYARAN BALIK CUKAI
PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Cukai Pendapatan	24,263.82	20,194.44*	4,069.38	20.2
2.	Cukai Barangan dan Perkhidmatan	686.06	604.97	81.09	13.4
3.	Cukai Keuntungan Harta Tanah	771.69	1,037.09*	(265.40)	(25.6)
JUMLAH		25,721.57	21,836.50	3,885.07	17.8

Sumber: Nota 10(c)(iii), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

Nota: *Nilai perbandingan bagi Komitmen Bayaran Balik Cukai Pendapatan dan Komitmen Bayaran Balik Cukai Keuntungan Harta Tanah telah dinyatakan semula

- iii. Bayaran balik Cukai Pendapatan dan Cukai Keuntungan Harta Tanah diuruskan oleh LHDN menggunakan peruntukan daripada Kumpulan Wang Amanah Tabung Bayaran Balik Cukai (TBBC). Pada tahun 2022, sebanyak RM22 bilion telah diperuntukkan bagi tujuan bayaran balik cukai. Sejumlah RM14.006 bilion Komitmen Bayaran Balik Cukai telah dilunaskan menggunakan peruntukan berkenaan. Baki TBBC pada akhir tahun 2022 adalah berjumlah RM10.186 bilion.
- iv. Bayaran balik Cukai Barangan dan Perkhidmatan pula diuruskan oleh JKDM. Kedudukan Komitmen Bayaran Balik Cukai Barangan dan Perkhidmatan

berkurangan sejumlah RM0.265 bilion atau 25.6% kepada RM0.772 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM1.037 bilion. Pelunasan Bayaran Balik Cukai Barangan dan Perkhidmatan pada tahun 2022 adalah berjumlah RM0.313 bilion. Bayaran balik adalah menggunakan dana Kumpulan Wang Bagi Bayaran Balik Cukai Barangan dan Perkhidmatan. Kumpulan Wang telah menerima kutipan cukai sebanyak RM0.299 bilion dan berbaki sebanyak RM262.63 juta pada akhir tahun 2022.

e. Komitmen Pampasan

- i. Kedudukan Komitmen Pampasan adalah berjumlah RM535.41 juta, iaitu berkurangan sebanyak RM462.42 juta atau 46.3% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM997.83 juta. Komitmen Pampasan terdiri daripada Pampasan Konsesi Lebuhraya dan Pampasan Kelewatan Bayaran Balik Cukai.

ii. Komitmen Pampasan Konsesi Lebuhraya

- Komitmen Pampasan Konsesi Lebuhraya merupakan amaun pampasan yang perlu dibayar kepada syarikat konsesi lebuhraya berikutan pemberian diskaun tol, penangguhan kenaikan kadar tol dan pemansuhan kutipan tol sebelum tamat tempoh konsesi. Amaun pampasan yang layak dibayar akan disahkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia setelah syarikat konsesi mengemukakan Sijil Bayaran Pampasan Konsesi.
- Kedudukan Komitmen Pampasan Konsesi Lebuhraya adalah berjumlah RM432.34 juta, iaitu berkurangan sebanyak RM477.67 juta atau 52.5% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM910.01 juta. Pengurangan ketara melibatkan pelunasan sebahagian bayaran pampasan pemansuhan kutipan tol Lebuhraya Batu Tiga dan Sungai Rasau serta Lebuhraya Bukit Kayu Hitam berjumlah RM460 juta.
- Bayaran pampasan kepada 19 syarikat konsesi pada tahun 2022 yang telah dikenakan kepada vot mengurus adalah berjumlah RM861.22 juta.

iii. Komitmen Pampasan Kelewatan Bayaran Balik Cukai

- Komitmen Pampasan Kelewatan Bayaran Balik Cukai pula ialah obligasi bayaran pampasan kepada Orang Kena Cukai yang layak kerana kelewatan Kerajaan dalam membuat bayaran balik lebih cukai pendapatan.

- Pampasan Kelewatan Bayaran Balik Cukai Pendapatan diperuntukkan dalam Seksyen 111D, Akta Cukai Pendapatan 1967. Mulai tahun taksiran 2013, pampasan sebanyak 2% adalah layak dibayar kepada pembayar cukai sekiranya berlakunya kelewatan di pihak Kerajaan untuk membuat bayaran balik lebih cukai pendapatan.
- Kelewatan bayaran balik lebih cukai pendapatan ditetapkan selepas tempoh 90 hari bagi Orang Kena Cukai yang mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) melalui e-Filing dan selepas 120 hari bagi BNCP yang dikemukakan secara pos atau serahan di kaunter.
- Sehingga akhir tahun 2022, amaun pampasan yang layak dibayar adalah berjumlah RM103.07 juta melibatkan 132,516 pembayar cukai kategori syarikat dan 19,253 pembayar cukai dalam kategori selain syarikat.
- Pada tahun 2022, LHDN telah menjelaskan bayaran pampasan sebanyak RM7 juta kepada 3,822 pembayar cukai.

8.4.5. Pelbagai Liabiliti

- Pelbagai Liabiliti terdiri daripada Nota Kena Bayar, Sekuriti Tak Dituntut dan Akaun Depositori Pusat. Kedudukan Pelbagai Liabiliti adalah berjumlah RM155.34 juta, iaitu meningkat sejumlah RM4.39 juta atau 2.9% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM150.95 juta. Kedudukan Pelbagai Liabiliti pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.62**.

JADUAL 2.62
KEDUDUKAN PELBAGAI LIABILITI PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM JUTA	%
1.	Nota Kena Bayar	109.82	105.03	4.79	4.6
2.	Sekuriti Tak Dituntut	31.18	31.09	0.09	0.3
3.	Akaun Depositori Pusat	14.34	14.83	(0.49)	(3.3)
JUMLAH		155.34	150.95	4.39	2.9

Sumber: Nota 10(d), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

b. Nota Kena Bayar

- Nota Kena Bayar merujuk kepada amaun yang akan dibayar pada masa hadapan mengikut jadual atas kapasiti Kerajaan sebagai ahli agensi antarabangsa. Kerajaan mempunyai komitmen bayaran kepada Institut Bank

Pembangunan Asia (ADF), Persatuan Pembangunan Antarabangsa (IDA) dan Multilateral Investment Guarantee Agency (MIGA).

- ii. Kedudukan Nota Kena Bayar adalah berjumlah RM109.82 juta, iaitu meningkat sebanyak RM4.79 juta atau 4.6% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM105.03 juta. Peningkatan ini melibatkan tambahan komitmen bayaran sumbangan kepada ADF untuk Dana Pembangunan Asia ke-13 (ADF 13) berjumlah USD3.50 juta bersamaan RM15.37 juta dan sumbangan dalam Program Penambahan Dana IDA ke-19 (IDA 19) berjumlah USD9 juta atau RM39.51 juta.
 - iii. Pada masa yang sama, Kerajaan juga ada membuat penunaian terhadap Nota Kena Bayar melibatkan ADF 12 dan 13 sebanyak USD1.33 juta atau RM5.84 juta serta IDA 17, 18 dan 19 sebanyak USD9.54 juta atau RM41.88 juta.
- c. Kedudukan Sekuriti Tak Dituntut dan Akaun Depositori Pusat adalah berjumlah RM45.52 juta, iaitu berkurangan sebanyak RM0.40 juta atau 0.9% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM45.92 juta.

9. LIABILITI LUAR JANGKA

9.1. Kerajaan Persekutuan memberi jaminan kepada caruman atau deposit di Bank Simpanan Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Haji dan Skim Simpanan Pendidikan Nasional. Kedudukan caruman atau deposit yang dijamin Kerajaan adalah berjumlah RM1.173 trilion, iaitu bertambah sejumlah RM0.057 trilion atau 5.1% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM1.116 trilion.


9.2. Kerajaan Persekutuan juga memberi jaminan kepada pinjaman yang dibuat oleh badan berkanun dan syarikat seperti yang dibenarkan oleh Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*]. Pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan menunjukkan trend peningkatan setiap tahun. Kedudukan amaun belum selesai pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan bagi empat badan berkanun dan 22 syarikat menunjukkan peningkatan sejumlah RM7.229 bilion atau 2.3% kepada RM317.617 bilion berbanding RM310.388 bilion pada tahun 2021. Kedudukan Jaminan Berkanun pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2.63** dan trend kedudukan Jaminan Pinjaman bagi tempoh lima tahun adalah seperti dalam **Carta 2.21**.

JADUAL 2.63
KEDUDUKAN JAMINAN BERKANUN PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	JENIS JAMINAN	BIL. AGENSI YANG DIJAMIN	TAHUN		PERUBAHAN	
			2022 (RM Bilion)	2021 (RM Bilion)	RM BILION	%
1.	Jaminan Pencarum/Pendeposit	4	1,172.781	1,116.184	56.597	5.1
2.	Jaminan Pinjaman:					
	Badan Berkanun	4	95.418	91.300	4.118	4.5
	Syarikat	22	222.199	219.088	3.111	1.4
Jumlah Jaminan Pinjaman		26	317.617	310.388	7.229	2.3
JUMLAH KESELURUHAN		30	1,490.398	1,426.572	63.826	4.5

Sumber: Nota 11 dan Lampiran 11, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

CARTA 2.21
TREND KEDUDUKAN JAMINAN PINJAMAN
OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2018 HINGGA 2022




Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 hingga 2022

10. WANG PENDAHULUAN KONTRAKTOR

10.1. Wang Pendahuluan Kontraktor adalah bayaran pendahuluan kepada kontraktor tempatan yang memerlukan modal untuk melaksanakan kerja awalan. Semua bayaran pendahuluan dicaj terus kepada vot projek berkenaan. Kementerian dan jabatan perlu menyelenggara akaun subsidiari mengenainya bagi merekodkan bayaran pendahuluan ini yang akan diselaraskan melalui potongan yang dibuat daripada bayaran kemajuan projek.

10.2. Wang Pendahuluan Kontraktor yang dikenakan kepada perbelanjaan pembangunan dan akaun amanah yang belum dilaraskan pada akhir tahun 2022 adalah berjumlah RM1.879 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM0.884 bilion atau 88.8% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM0.995 bilion. Kedudukan WPK bagi tempoh lima tahun adalah seperti dalam **Carta 2.22**.

**CARTA 2.22
KEDUDUKAN BAKI WANG PENDAHULUAN
KONTRAKTOR BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2022**



Sumber: Nota 12, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 hingga 2022

11. RUMUSAN

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2022 adalah seperti berikut:

11.1. Wang Awam yang terdiri daripada wang tunai dan pelaburan adalah berjumlah RM83.656 bilion. Wang Awam dipegang oleh Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM11.863 bilion dan Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM71.793 bilion, manakala Akaun Pinjaman Disatukan kekal berbaki sifar;

11.2. Hasil Persekutuan adalah berjumlah RM294.357 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM60.605 bilion atau 25.9% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM233.752 bilion. Peningkatan utama melibatkan Hasil Cukai dan Hasil Bukan Cukai masing-masing sebanyak RM35.062 bilion dan RM28.487 bilion;

11.3. Perbelanjaan mengurus (sebelum pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan) adalah berjumlah RM292.693 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM61.177 bilion atau 26.4% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM231.516 bilion. Perbelanjaan utama Kerajaan adalah perbelanjaan emolumen berjumlah RM87.789 bilion, perbelanjaan subsidi berjumlah RM55.443 bilion, Perbelanjaan Kerana Hutang Negara berjumlah RM41.269 bilion dan bayaran persaraan berjumlah RM30.260 bilion;

11.4. Kerajaan merekodkan lebih hasil berjumlah RM1.664 bilion, iaitu berkurangan sebanyak RM0.572 bilion atau 25.6% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM2.236 bilion. Keseluruhan amaun lebih hasil telah dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan;

11.5. Perbelanjaan pembangunan untuk 654 kod projek adalah berjumlah RM71.574 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM7.317 bilion atau 11.4% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM64.257 bilion. Termasuk dalam perbelanjaan pembangunan adalah bayaran pelunasan komitmen jaminan berjumlah RM17.086 bilion dan pelunasan Liabiliti PFI berjumlah RM2.493 bilion;

11.6. Perbelanjaan Kumpulan Wang Covid-19 adalah berjumlah RM30.979 bilion, iaitu berkurangan sejumlah RM6.732 bilion atau 17.9% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM37.711 bilion. Perbelanjaan utama Kumpulan Wang Covid-19 terdiri daripada Sokongan Bantuan Sosial untuk Golongan Mudah Terjejas berjumlah RM9.043 bilion, Bantuan Prihatin Nasional berjumlah RM7.910 bilion dan Diskaun Bil Elektrik berjumlah RM5.876 bilion;

11.7. Kerajaan Persekutuan terus berada dalam kedudukan defisit, iaitu berjumlah RM99.482 bilion dengan nisbah defisit kepada KDNK sebanyak 5.6%. Defisit tersebut sebahagian besar ditampung dengan pinjaman dari dalam dan luar negeri;

11.8. Terimaan pinjaman kasar adalah berjumlah RM231.365 bilion. Selain membiayai defisit, terimaan pinjaman ini juga digunakan bagi bayaran prinsipal pinjaman matang berjumlah RM131.528 bilion, pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM68.541 bilion dan pindahan ke Kumpulan Wang Covid-19 berjumlah RM30.880 bilion. Kerajaan memperoleh premium bersih daripada terbitan instrumen kewangan berjumlah RM0.416 bilion yang telah dilaraskan kepada Akaun Premium/Diskaun Sekuriti Kerajaan;

11.9. Hutang Persekutuan meningkat sebanyak RM99.777 bilion atau 10.2% kepada RM1.080 trilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM979.814 bilion. Nisbah Hutang Persekutuan kepada KDNK adalah sebanyak 60.3%. Nisbah Statutori Hutang Persekutuan yang melibatkan Bil Perbendaharaan Islamik, Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Sekuriti Kerajaan Malaysia berjumlah RM1.032 trilion adalah pada nisbah 57.6% kepada KDNK. Nisbah ini masih di bawah had statutori 65% kepada KDNK;

11.10. Liabiliti Kewangan adalah berjumlah RM319.571 bilion, iaitu berkurangan sebanyak RM5.661 bilion atau 1.7% berbanding RM325.232 bilion pada tahun 2021. Liabiliti Kewangan terdiri daripada Liabiliti PFI berjumlah RM34.492 bilion, Komitmen Jaminan berjumlah RM224.116 bilion, Komitmen Pajakan Kewangan berjumlah

RM34.552 bilion, Komitmen Bayaran Balik Cukai berjumlah RM25.721 bilion, Komitmen Pampasan berjumlah RM0.535 bilion dan Pelbagai Liabiliti berjumlah RM0.155 bilion;

11.11. Liabiliti Persekutuan yang terdiri daripada Hutang Persekutuan dan Liabiliti Kewangan adalah berjumlah RM1.399 trilion, iaitu meningkat sebanyak RM94.116 bilion atau 7.2% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM1.305 trilion. Nisbah Liabiliti Persekutuan kepada KDNK adalah sebanyak 78.1%, iaitu menurun berbanding 84.3% pada tahun 2021;

11.12. Perbelanjaan berkaitan Liabiliti Persekutuan adalah berjumlah RM208.117 bilion, iaitu 11.6% kepada KDNK. Perbelanjaan ini terdiri daripada bayaran balik prinsipal pinjaman matang berjumlah RM131.528 bilion, Perbelanjaan Kerana Hutang Negara berjumlah RM41.269 bilion, pelunasan Komitmen Jaminan berjumlah RM32.827 bilion serta pelunasan Liabiliti PFI berjumlah RM2.493 bilion; dan

11.13. Aset Kewangan Persekutuan yang terdiri daripada Akaun Belum Terima dan pelaburan dalam 112 syarikat, lima badan berkanun dan satu agensi antarabangsa adalah berjumlah RM139.554 bilion.

12. SYOR AUDIT

Kerjasama daripada semua peringkat, termasuk di peringkat Pusat Tanggungjawab dan Jabatan serta pemantauan yang berterusan yang efektif di peringkat kementerian diperlukan untuk memastikan disiplin kewangan dilaksanakan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan tindakan berikut diambil:

12.1. mempertingkatkan disiplin perbelanjaan mengurus, memperkasakan usaha penjanaan hasil dan pemantauan terhadap komitmen bayaran balik pinjaman. Ini bagi membolehkan lebih hasil dapat dipertingkatkan untuk membiayai perbelanjaan pembangunan dan mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman baharu;

12.2. memastikan dana Kumpulan Wang Pembangunan dibelanjakan bagi projek-projek fizikal dan bukan fizikal yang termasuk di bawah Rancangan Pembangunan Malaysia lima tahun. Perbelanjaan yang bertujuan sebagai penyaluran kepada syarikat bagi tujuan bayaran balik pinjaman perlu dipantau supaya tidak terus meningkat di masa hadapan; dan

12.3. memastikan setiap pelaporan dan perubahan dalam item penyata kewangan adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.